BUSTĀNUS SALĀṬĪN

BAB KETUJUH FASAL KETIGA: PADA MENYATAKAN ILMU TASHRĪḤ DAN ILMU ṬIBB



NURUDDIN AR-RANIRI

KAJIAN & TRANSLITERASI

NASEER SOBREE

KATA PENGANTAR

DR. HARUN MAT PIAH

Pakar Manuskrip Melayu



BUSTĀNUS SALĀṬĪN

BAB KETUJUH FASAL KETIGA:
PADA MENYATAKAN
ILMU TASHRĪḤ DAN ILMU ṬIBB



Cetakan Ketiga, 2018

BUSTĀNUS SALĀṬĪN

BAB KETUJUH FASAL KETIGA: PADA MENYATAKAN ILMU TASHRĪḤ DAN ILMU ṬIBB



NURUDDIN AR-RANIRI

KAJIAN & TRANSLITERASI
NASEER SOBREE

KATA PENGANTAR
DR. HARUN MAT PIAH
Pakar Manuskrip Melayu



BUSTĀNUS SALĀṬĪN
BAB KETUJUH FASAL KETIGA

Cetakan Pertama, 2017
Cetakan Kedua, 2018
Cetakan Ketiga, 2018

ISBN : 978-967-2091-12-7

Diterbitkan Oleh



BAYTUL HIKMA
(PG0378209-M)
Pulau Pinang, Malaysia
www.baytulhikma.my
baytulhikmaresources@gmail.com
www.facebook.com/BaytulHikmaMalaysia
+6013-2181421

Peliharakan olehmu bersungguh-sungguh,
Sihat afiat di dalam tubuh;
Ringan ibadat dunia teguh,
Ialah nikmat yang tiada bertangguh.

Ilmu tobib hendaklah amalkan,
Jangan bercerai jadikan rakan;
Mendapat sejahtera serta aman,
Ibadat tetap disihat badan.

—Hakim Abdullah

KANDUNGAN

TRANSLITERASI

ʼ	ء	*r*	ر	*f*	ف
ā	ا، ىٰ	*z*	ز	*q*	ق
b	ب	*s*	س	*k*	ك
t	ت	*sh*	ش	*l*	ل
ṡ	ث	*ṣ*	ص	*m*	م
j	ج	*ḍ*	ض	*n*	ن
ḥ	ح	*ṭ*	ط	*h*	هـ
kh	خ	*ẓ*	ظ	*h, t*	ة
d	د	ʻ	ع	*w, ū*	و
ż	ذ	*gh*	غ	*y, ī*	ي

KATA PENGANTAR

Dr. Harun Mat Piah

Kitab Bustanus Salatin terkarang sekitar 1638M, merupakan salah sebuah karya terawal dalam genre Ilmu Perubatan Melayu. Penulisnya dikenali sebagai Syeikh Nuruddin Ar-Raniri, seorang ulama besar dalam zaman Kesultanan Aceh semasa pemerintahan Sultan Iskandar Thani. Aceh pada masa itu dari zaman pemerintahan Iskandar Muda Mahkota Alam merupakan antara pusat pengembangan Islam yang antara lain menghasilkan pelbagai karya sastera, meliputi genre sastera kitab, historiografi, hikayat, puisi dan ilmu-ilmu tradisional, termasuk ilmu perubatan.

Kitab Bustanus Salatin merupakan sumbangan yang sangat penting untuk Ilmu Perubatan (Kitab Tib), walaupun sebagai bahagian kecil (Bab 7 Fasal 3) dari jumlah keseluruhan tujuh bab atau fasal yang meliputi pelbagai ilmu. Untuk ilmu perubatan *(ilm at-tyb)* Ar-Raniri membicarakan antara lain takrif atau definisi ilmu tibb, unsur-unsur dan tabiat insan, punca atau pohon segala penyakit, hubungan pemakanan dengan penyakit, kaedah pengubatan penyakit dan huraian yang cukup terperinci

mengenai khasiat pelbagai makanan, khususnya yang berkenaan sebagai ramuan untuk pengubatan penyakit. Antara tumbuhan ubatan yang disebut termasuk lada, halia, lengkuas, jintan putih, jintan manis, ketumbar, pala, madu, susu, pisang dan anggur. Selain itu dikisahkan juga cerita beberapa orang tokoh, raja-raja dan para tabib berbicara mengenai ilmu perubatan. Antaranya kisah Raja Nusyirwan Adil, Raja Rom dan beberapa orang tabib.

Aspek yang sangat menarik mengenai Kitab Bustanus Salatin (Bab Ketujuh) ini ialah hubungan dan keakraban pembicaraannya dengan beberapa kitab ilmu perubatan (kitab tib) Melayu yang merupakan bahagian yang penting dalam karya-karya ilmu dalam masyarakat Melayu Nusantara. Tidak salah untuk menyatakannya sebagai sumber utama dalam perkembangan penulisan ilmu perubatan sesudahnya. Dalam beberapa manuskrip kitab tib Melayu termasuk MSS 2515, MSS 1292, MSS 2590 (PMN) dan Manuskrip Muzium Terengganu yang telah dikaji dan diterbitkan terserlah aspek-aspek yang sama atau bersamaan. Sebahagian besar huraian Bustan mengenai pemakanan dan khasiat pelbagai jenis tumbuhan ubatan seperti yang dinyatakan di atas didapati juga di dalam beberapa kitab tib Melayu. MSS 2590 PNM membicarakan topik ini dengan lanjut, hampir sama seperti yang terdapat dalam Bustan. Demikian juga kisah Raja Nusyirwan Adil dan Raja Rom berbicara dengan beberapa tabib, termasuk dari benua Keling, Rom, Irak dan Habsyah, mengenai penyakit dan petua-petua

menjaga kesihatan diri. Kisah ini juga terdapat dalam MSS 1292 PNM, Manuskrip Muzium Johor dan Kitab *al-Rahmah fi al-Tibb wa al-Hikmah* karya Sheikh Abbas Kuta Karang yang telah dikaji dan diterbitkan 2016. Menariknya Kitab al-Rahmah ini berkaitan rapat pembicaraannya dengan MSS 1292 dan 2590 PNM. Demikian salingan perkaitan Kitab Bustanus Salatin ini dengan beberapa manuskrip kitab tib Melayu Nusantara.

Lebih signifikan lagi hubungan Kitab Bustanus Salatin ini dengan sumber yang lebih awal, malah asal atau yang paling berwibawa, iaitu yang berhubungan dengan Kitab Tib al-Nabawiyyah dan lain-lain seperti Kitab Tibb Rasulullah yang merupakan ajaran-ajaran menurut sunnah Rasulullah. Ilmu perubatan yang berhubungan dengan wati (jimak suami isteri) dalam Bustan diambil dan dihuraikan lebih lanjut dalam beberapa kitab tib Melayu khususnya yang bersangkut dengan ilmu perkasihan, mengenai jimak dan hubungan suami isteri. Bab berkenaan di dalam Bustan sama dan sesuai seperti yang terdapat dalam Kitab al-Nabawiyyah dan Kitab Tib Rasulullah. Aspek-aspek ini menjelaskan hubungan erat pembicaraan dalam kitab-kitab ilmu perubatan Melayu itu bersumber dari Kitab Bustanus Salatin yang seterusnya berkait rapat dengan sumber yang lebih asal dan berwibawa seperti kitab-kitab perubatan dari ajaran sunnah Rasulullah SAW.

Dengan demikian karya kajian Naseer Sobree ini amat bermakna dalam pembelajaran dan perkembangan ilmu perubatan dalam masyarakat Melayu, khususnya

dewasa ini. Kajian dari beberapa pengkaji termasuk para tabib dan pengamal perubatan Melayu mendapati Bustanus Salatin menepati struktur dan sistem ilmu perubatan Melayu tradisional yang sedang dibangun dan diperkembangkan. Semoga dengan penerbitan karya ini akan memberikan sumbangan penting ke arah memperkembang dan memperkasakan Ilmu dan Amalan Perubatan Melayu masa kini dan akan datang.

Sekian, terima kasih.

Dr. Harun Mat Piah
Bandar Baru Bangi, Selangor
26 Oktober 2017

PENGHARGAAN

بسم الله الرحمن الرحيم

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنَ الطِّين
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى مُحَمَّدٍ سُلْطَانِ السَّلَاطِين

Segala puji hanyalah bagi Allah,
Menciptakan manusia daripada tanah.

Selawat dan salam untuk Rasulullah,
Bagindalah sultan segala saltonah.

Alhamdulillah, selesailah sudah kajian dan transliterasi kitab Bustanus Salatin bab ketujuh fasal ketiga ini. Meskipun sibuk dengan urusan pendidikan, penghasilan ubatan, perawatan, penerbitan, penyelidikan dan persatuan, akhirnya dapat juga disiapkan kajian ini dengan izin Allah dan kehendakNya, Alhamdulillah.

Pertamanya saya ingin mengucapkan penghargaan yang tidak terhingga kepada keluarga yang tercinta atas sokongan dan dokongan terhadap segala yang saya usahakan. Semoga Allah merahmati keluarga saya dan menghimpunkan kita semua di shurga, inshaAllah.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada "Atuk" Dr. Harun Mat Piah atas segala sokongan dan tunjuk ajar dalam pengkajian manuskrip. Sesungguhnya beliau merupakan seorang tokoh manuskrip yang sangat ulung di Malaysia. Meskipun usia beliau jauh berbeza dengan saya, namun semangat dan kesungguhan beliau seolah-olah beliau lebih muda daripada saya. Bak kata orang, *jasadnya semakin tua, namun jiwanya semakin muda.* Usaha beliau dalam pengkajian manuskrip tidak pernah berhenti. Sehingga saat ini beliau istiqamah melakukan kajian. Terima kasih saya ucapkan atas segala ilmu yang dikongsikan. Semoga Allah memanjangkan umur Atuk untuk terus berbakti kepada agama, bangsa dan negara, inshaAllah.

Saya juga ingin menyatakan penghargaan kepada Prof. Madya Dr. Arieff Salleh Rosman atas sokongan penuh daripada beliau atas segala yang saya usahakan ini. Sebagai Felo Penyelidik Fatwa di Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan, peranan beliau sangatlah penting dalam pembangunan Perubatan Melayu. Ini bagi memastikan Perubatan Melayu yang dibangunkan tidak tersasar daripada ajaran Islam. Ini kerana, wujud golongan tertentu yang mendakwa segala yang diamalkan oleh nenek moyang kita yang terdahulu mestilah dipertahankan, tanpa mengambil kira sama ada sesuatu amalan itu shar'i atau takshar'i. Semoga Allah permudahkan segala urusan beliau, inshaAllah.

Ucapan terima kasih juga buat guru pertama saya dalam bidang perubatan klasik iaitu Tuan Haji Ismail Haji Ahmad. Usaha beliaulah yang banyak membuka minda

dan jiwa saya untuk mendalami perubatan klasik. Meskipun beliau diuji dengan pelbagai rintangan, beliau tetap gigih dan tabah memperjuangkan *Ṭibb Nabawī.* Membawa sunnah Nabi sallallahu alaihi wasallam bukanlah sesuatu yang mudah, pasti banyak cabaran dan dugaan. Semoga beliau terus kuat menyebarkan sunnah dan dipermudah segala urusan, inshaAllah.

Sokongan daripada Dr. Abdul Ghani Hussain juga amat saya hargai. Saya masih ingat ketikamana saya menyatakan kepada beliau hasrat untuk mengkaji Bustanus Salatin, yakni sewaktu di Pusat Manuskrip Melayu, beliau menyambut baik hasrat tersebut dan berkongsi serba sedikit pengalaman beliau dalam mengkaji manuskrip. Tidak lupa juga perbincangan bersama beliau mengenai Perubatan Melayu, khususnya ketika berkunjung ke taman herba beliau di Langkawi, banyak manfaat yang saya perolehi, Alhamdulillah. Semoga Allah permudahkan segala usaha Dr. Ghani dalam mengkaji manuskrip dan herba-herba alam Melayu, inshaAllah.

Seterusnya saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang sama-sama bersusah payah dalam menyusun, mengatur dan menggubal struktur Perubatan Melayu. Mereka yang saya maksudkan ialah Tuan Norhissam Mustafa, Ustaz Abdul Hadi Mohd Isa, Ustaz Nornizam Ngadeni dan juga Puan Suriani Md Sanusi. Pengorbanan dan kesungguhan kalian memang luar biasa. Sukar untuk digambarkan bagaimana susah dan payahnya usaha ini. Namun usaha

ini mesti diteruskan. Semoga Allah memberi kekuatan dan kemampuan untuk kita bangunkan ilmu ini demi kesejahteraan seluruh umat manusia. Semoga Allah melihat usaha kecil kita ini dan memberikan ganjaran di sana nanti, inshaAllah.

Tidak dilupakan sahabat saya saudara Syed Haashim Syed Abdul Rahman. Kenangan mengembara ke sana sini mencari manuskrip tidak akan saya lupakan. Banyak maklumat mengenai manuskrip yang saya perolehi sepanjang pengembaraan itu. Minatnya terhadap manuskrip usahlah dipersoalkan, Pusat Manuskrip Melayu itu bagaikan rumah keduanya. Terima kasih atas segala bantuan, khidmat dan pertolongan yang diberikan sepanjang mengumpulkan manuskrip-manuskrip kitab tib, khususnya manuskrip Bustanus Salatin. Semoga Allah memberkati segala usahanya dalam meneruskan kajian terhadap manuskrip-manuskrip alam Melayu, inshaAllah.

Terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan kepada sahabat saya saudara Umair Mohd Noor. Terima kasih kerana banyak memberikan khidmat kepada saya, khususnya sepanjang saya ‘beruzlah’ di Pusat Rawatan Tibbun Mubarak untuk menyiapkan transliterasi kitab Bustanus Salatin. Hanya Allah yang mampu membalas segala jasa baiknya. Saya doakan saudara Umair menjadi tobib yang hebat, inshaAllah.

Akhirnya, saya ucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dengan usaha ini, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Saya mohon maaf kerana tidak dapat menyebutkan nama kalian satu persatu di

ruangan ini. Allah akan kurniakan ganjaran yang terbaik untuk kalian, inshaAllah.

Sekian, terima kasih.

Naseer Sobree
26 September 2017
Seremban

FATIHAH

Sebelum kita menatap isi buku ini, eloklah kita renungkan beberapa perkara sebagai pembuka minda dan jiwa, agar lebih jelas kefahaman kita, inshaAllah.

PERUBATAN

Pertamanya mari kita kenali apa itu perubatan. Ramai yang mempelajari ilmu perubatan, sama ada perubatan klasik atau perubatan moden, namun tidak ramai yang tahu apa itu perubatan.

Ada yang menyangka perubatan ialah apa yang diajarkan di kuliah-kuliah perubatan. Ada yang meyangka perubatan ialah apa yang tertulis di dalam buku. Ada yang menyangka perubatan ialah apa yang disampaikan oleh gurunya. Maka bermati-matianlah mereka itu mempertahankan apa yang diajar oleh gurunya di kuliah berdasarkan apa yang tertulis di dalam buku. Mereka tidak peduli apa yang diamalkannya itu benar atau dusta, yang penting sangkaannya itu mestilah dipertahankan. Alangkah malangnya mereka yang bersangka dengan sangkaan yang sedemikian.

Ketahuilah, perubatan itu banyak tafsirannya, namun para ulama dan hukama kita bersepakat bahawasanya yang dikatakan perubatan itu ialah;

Bidang yang mengkaji keadaan tubuh manusia sama ada sihat atau sakit, serta punca dan tandanya, dengan tujuan mengekalkan kesihatan dan menghilangkan penyakit.

Apabila jelas kepada kita bahawa itulah yang dimaksudkan dengan perubatan, maka itulah juga yang sepatutnya kita pertahankan, sekalipun yang mengekalkan kesihatan dan menghilangkan penyakit itu tidak sama dengan apa yang diajarkan oleh guru di kuliah yang berpandukan buku. Dengan itu, terbukalah pintu pertama ke alam perubatan.

PERUBATAN MELAYU

Yang dikatakan Perubatan Melayu itu tidak lain dan tidak bukan ialah;

Perubatan yang diamalkan oleh bangsa Melayu.

PERUBATAN MELAYU KLASIK

Adapun Perubatan Melayu Klasik ataupun Perubatan Melayu Tradisional ialah:

Perubatan yang diamalkan oleh bangsa Melayu sebelum zaman moden.

ASAL USUL PERUBATAN MELAYU

Buat masa ini, masih belum jelas asal usul sebenar Perubatan Melayu. Bilakah ia bermula pun tidaklah diketahui secara pasti dan yakin.

Perubatan Melayu yang ada pada hari ini adalah hasil gabungan daripada beberapa sistem perubatan, iaitu

sistem Perubatan Melayu yang asli dan sistem-sistem perubatan daripada tamadun luar.

Berdasarkan manuskrip-manuskrip kitab tib yang telah dikaji sehingga ke hari ini, kelihatannya seolah-olah Perubatan Melayu yang asli itu lebih kepada bersifat induktif dan eksperimental. Maksudnya, ramuan-ramuan ubatan yang dicadangkan dalam kitab-kitab tib adalah berdasarkan pengalaman dan percubaan oleh nenek moyang kita yang terdahulu.


Adapun dari aspek deduktif atau silogistik, kelihatannya seolah-olah belum ada satu sistem yang betul-betul jelas dan konkrit. Maksudnya, satu kerangka dasar yang umum bagi Perubatan Melayu belum dapat dikeluarkan. Bahkan sistem yang diguna pakai oleh para tobib Melayu secara umumnya adalah berdasarkan Perubatan Greek-Arab.

Selain pengaruh Greek-Arab, terlihat juga pengaruh Hindu-Budhha dalam beberapa kitab tib. Ini tidaklah menghairankan kerana Hindu-Budhha memang pernah bertapak di Nusantara, dan kekal sehingga ke hari ini.

Perubatan Cina belum terbukti secara jelas pengaruhnya dalam manuskrip-manuskrip klasik. Jika ada sekalipun, ianya berlaku pada era penjajahan dan kemerdekaan, sepertimana yang tercatat dalam kitab *Khazinatul Insan* karya Hakim Abdullah.

Pengaruh Greek-Arab terhadap Perubatan Melayu secara tidak langsung membawa erti Perubatan Melayu turut menerima pengaruh daripada Perubatan Nabawi *(Ṭibb Nabawī),* Perubatan Parsi, Perubatan Mesir dan

Perubatan Mesopotamia. Hubungan sesama sistem-sistem perubatan ini dapat digambarkan secara ringkas dalam rajah berikut;



Rajah 1: Hubungan antara Perubatan Melayu dengan perubatan-perubatan lain

PENGAMAL PERUBATAN MELAYU MASA KINI

Pada masa kini, Perubatan Melayu masih wujud dan masih diamalkan. Walau bagaimanapun, tidak semuanya adalah benar-benar pengamal, dengan maksud mengamal benar-benar kerana minat dan ihsan terhadap orang sakit. Maka, dapatlah dibahagikan para pengamal ini kepada dua golongan iaitu;

1. Pengamal sebenar
2. Pengamal komersial

Pengamal sebenar ialah pengamal yang betul-betul memiliki ilmu yang tinggi dalam Perubatan Melayu. Biasanya mereka mempunyai kerjaya lain sebagai sumber pendapatannya, jadi mereka tidak bergantung hidupnya kepada caj rawatan. Jika ada bayaran sekalipun, tidaklah terlalu tinggi. Rawatan dilakukan mengikut adab dan tertib tradisional, bukannya terus diberi rawatan begitu sahaja. Mereka mempunyai kaedah diagnosis yang tersendiri, rawatan diberi berdasarkan hasil diagnosis tersebut. Golongan sebegini semakin berkurangan, kerana kebanyakannya sudah tua. Mereka tinggal di kampung-kampung dan tidak terlalu terkenal. Mereka ini layak digelar tobib.

Pengamal komersial ialah pengamal yang melibatkan diri dalam bidang perubatan kerana faktor komersial, yakni duit dan harta. Sebahagiannya menceburi bidang ini kerana tiada jalan lain lagi untuk mencari duit, maka bidang perubatan menjadi pilihan terakhirnya, sambil mengharapkan hasil pulangan yang lumayan. Dari sudut ilmu, biasanya golongan sebegini hanya mempelajari sekadar untuk membolehkan mereka melakukan sesuatu rawatan kepada pesakit. Ada yang tidak mengikut adab dan tertib, rawatan bersifat cuba-cuba tanpa sebarang diagnosis, bahkan rawatan diberikan mengikut kehendak pesakit, yakni pesakit yang menentukan rawatan, bukannya pengamal. Caj rawatannya biasanya agak

tinggi. Golongan sebegini semakin bertambah kerana sebahagian pengamal komersial yang baru bertatih sudah berani menganjurkan program kursus dan kelas segera kepada orang ramai. Programnya diiklankan dengan menyatakan bahawa itu adalah peluang untuk menjana pendapatan yang lumayan, maka ramailah yang tertarik. Mereka ini tidak layak digelar tobib.

KAJIAN PERUBATAN MELAYU

Kajian Perubatan Melayu telah bermula sejak dulu lagi. Banyak juga kajian oleh orientalis mengenai Perubatan Melayu, namun kajian-kajian itu lebih menjurus kepada unsur-unsur mistik alam Melayu. Tidak dinafikan bahawa hal tersebut memang wujud di alam Melayu, namun ianya tidak layak digelar sebagai perubatan, bahkan yang tepatnya ialah perbomohan.

Menurut Dr. Harun Mat Piah, dalam manuskrip-manuskrip kitab tib tidak disebutkan gelaran-gelaran perbomohan seperti dukun, pawang dan bomoh, yang ada hanyalah gelaran-gelaran perubatan seperti tobib dan hakim.

Adapun kajian Perubatan Melayu secara rasional dan saintifik, baru mula rancak baru-baru ini. Ramai yang mula mencari manuskrip-manuskrip untuk dikaji. Kajian manuskrip adalah sangat penting kerana ianya bukti kukuh mengenai Perubatan Melayu. Yang jenis diturunkan secara lisan boleh juga diterima, namun ia tidaklah sekukuh manuskrip, kerana yang lisan itu lebih tinggi risiko ditokok tambah atau diubah-ubah.


Pada peringkat saya sendiri, kajian terhadap perubatan klasik secara teoretikal dan praktikal sudah bermula sejak 2010, yakni ketika saya di Mesir. Secara khususnya saya memfokuskan kajian terhadap Perubatan Greek-Arab-Melayu, contohnya ialah karya-karya Hippocrates, Galen, Ibnu Zakaria, Ibnu Sina, Ibnun Nafis, Ibnu Rushd dan Kitab Ilmu Tabib (MS33), yakni sepertimana yang dinyatakan dalam "muqaddimah" karya sulung saya iaitu buku *Risalah Ilmu Perubatan* yang diterbitkan di Mesir pada tahun 2012.

Walau bagaimanapun, akses terhadap manuskrip Perubatan Melayu ketika itu agak terhad kerana ketiadaan sumber rujukan di Mesir. Alhamdulillah kini terdapat banyak sumber yang boleh dirujuk di Malaysia. Saya gembira melihat semakin ramai sahabat-sahabat pengkaji mula menceburi kajian manuskrip kitab tib. Usaha ini wajar disokong agar struktur Perubatan Melayu dapat disusun secara lengkap dan sistematik, inshaAllah.

STRUKTUR PERUBATAN MELAYU

Jika dilihat kepada manuskrip-manuskrip yang telah dikaji setakat ini, boleh dikatakan tiada struktur khusus yang digunakan oleh kesemua tobib secara seragam. Setiap manuskrip mempunyai gaya penyusunan yang tersendiri.

Walau bagaimanapun, dengan merujuk kepada struktur perubatan yang digunakan oleh para tobib tamadun Islam aliran Greek-Arab, maka saya mencadangkan agar Perubatan Melayu disusun secara sistematik seperti rajah berikut;



Peta Minda 1: Cadangan Struktur Perubatan Melayu

PERUBATAN DAN PERBOMOHAN


Masih ramai yang tidak mampu membezakan antara perubatan dan perbomohan, sehinggakan perbomohan itulah yang dianggap sebagai perubatan.

Bagaimanakah kita ingin membezakan antara perubatan dan perbomohan? Saya akan sebutkan secara ringkas mengenai kedua-duanya.

Mengenai perubatan, telah kita ketahui berdasarkan definisi yang diberikan, yakni *ilmu yang membawa kepada kekalnya sihat dan hilangnya sakit.* Mekanisme untuk mencapai dua matlamat tersebut adalah pelbagai, sebahagiannya fizikal dan natural, manakala sebahagiannya spiritual dan metafizikal.

Adapun perbomohan, ianya satu *ilmu yang digunakan untuk mencapai sesuatu hajat menggunakan mekanisme yang bersifat spiritual atau metafizikal.* Sebahagian perbomohan bersesuaian dengan sharak, manakala sebahagiannya bertentangan dengan sharak.

Setelah kita jelas mengenai hal ini, maka kita akan dapat melihat bahawa kedua-dua bidang ini berdiri sendiri, namun tetap ada pertindihan dan kesamaan antara kedua-duanya. Pertindihan yang dimaksudkan ialah *mencapai hajat kekal sihat dan hilang sakit menggunakan mekanisme spiritual.* Hubungan kedua-dua bidang ini dapat dilihat dengan lebih jelas dalam rajah berikut;




Rajah 2: Hubungan antara bidang perubatan dan perbomohan

Seperti yang disebutkan, perbomohan itu ada yang yang shar'i dan ada yang takshar'i. Dan sebenarnya perubatan yang fizikal pun ada yang shar'i dan takshar'i, kerana hukum-hakam Islam tidak terhad hanya kepada urusan spiritual, bahkan merangkumi urusan fizikal.

Maka dengan itu, perubatan dan perbomohan itu masing-masing perlu pula dibezakan antara yang shar'i

dan takshar'i. Yang kita amalkan hanyalah yang shar'i, sama ada perubatan atau perbomohan. Hal tersebut dapat dilihat dengan lebih jelas melalui rajah berikut;



Rajah 3: Hubungan antara perubatan shar'i, perubatan takshar'i, perbomohan shar'i dan perbomohan takshar'i

Contoh bagi setiap empat itu dinyatakan dalam jadual berikut;

KAEDAH	CONTOH
Perubatan Shar'i	Penggunaan ubat-ubatan yang halal dan diperoleh dengan cara yang halal
Perubatan Takshar'i	Penggunaan ubat-ubatan yang haram, najis dan diperoleh dengan cara yang haram
Perbomohan Shar'i	Penggunaan jampi-jampian yang berlandaskan Al-Quran, hadis, zikir, doa dan selawat
Perbomohan Takshar'i	Penggunaan jampi-jampian yang menyeru jin, iblis, shaitan dan dewa

Jadual 1: Kaedah perubatan dan perbomohan berserta contohnya

Semoga penjelasan serba ringkas ini dapat memberi sedikit pencerahan mengenai isu perubatan dan perbomohan, agar kita tidak tersalah mengamalkan perkara-perkara yang takshar'i, inshaAllah.

PERUBATAN MELAYU DAN PERUNDANGAN

Sebelum-sebelum ini, perubatan tradisional, klasik, alternatif dan komplementari tidak terikat dengan undang-undang Malaysia secara khusus. Jika ada sekalipun, ianya kerana bersangkut paut dengan peraturan tertentu secara tidak langsung.

Namun pada 1 Ogos 2016, secara rasminya telah dikuatkuasakan Akta 775, iaitu Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari. Manakala pada 16 Januari 2017 yang lalu telah ditubuhkan Majlis Perubatan Tradisional dan Komplementari, yang dianggotai oleh wakil-wakil daripada kerajaan, ahli akademik, pengamal dan industri.

Maka dengan itu, perubatan tradisional dan komplementari (PTK) secara rasminya telah mempunyai kedudukan yang tersendiri dalam perundangan Malaysia. Tidaklah salah jika dikatakan bahawa kedudukan PTK dari sudut perundangan sudah menyamai perubatan konvensional, yakni perubatan moden. Ini bermakna PTK juga mempunyai sistem, etika, disiplin dan tatatertibnya yang tersendiri.

Walau bagaimanapun ini tidaklah bererti perubatan konvensional sudah tidak relevan, kerana kedua-duanya mempunyai peranan yang tersendiri. Pertamanya kerana

kedua-duanya mempunyai batasan kemampuan masing-masing, maka apabila satu pihak telah mencapai batas kemampuannya, perlulah dicuba rujuk kepada pihak yang satu lagi. Keduanya, jika kedua-duanya mampu sekalipun, maka kewujudan kedua-duanya memberikan pilihan kepada pesakit untuk memilih kaedah yang dirasakan lebih mudah, selesa dan murah.

Penguatkuasaan Akta 775 mempunyai kelebihan dan kekurangan yang tersendiri, maka kelebihan itu perlulah diambil, manakala kekurangan itu perlulah diatasi. Hasilnya ialah perkhidmatan kesihatan yang baik dan berkualiti untuk para pesakit, inshaAllah.

SHAIKH NURUDDIN AR-RANIRI

Salah seorang tokoh tobib di alam Melayu yang tidak dapat kita nafikan sumbangannya ialah Shaikh Nuruddin Ar-Raniri.

Biografi dan kisah hidup beliau sudah banyak dinyatakan dalam pelbagai penulisan, maka di sini saya nyatakan latar belakang beliau secara ringkas sahaja.

Nama penuh beliau ialah Nuruddin bin Ali bin Hasanji bin Muhammad Hamid Ar-Raniri. Bapanya berbangsa Arab, manakala ibunya berbangsa Melayu. Beliau dilahirkan sekitar akhir kurun ke-16 dan berasal daripada Ranir, Gujerat.

Beliau menuntut ilmu sehingga ke tanah Arab. Shaikh menguasai ilmu-ilmu *naqlī* dan *ʿaqlī*. Beliau juga mengamalkan tarikat *Rifāʿiyyah.* Beliau pernah menetap di Aceh (Indonesia) dan Tanah Melayu (Malaysia).

Beliau terkenal dengan kontroversi penentangan beliau terhadap fahaman yang dibawa oleh Hamzah Fansuri. Kontroversi tersebut terus berlarutan, sehingga kini masih ada pihak yang mengkaji dan membahaskan kontroversi tersebut. Beliau menulis kitab Bustanus Salatin *(Bustān al-Salāṭīn)* pada tahun 1638M.

Sebenarnya banyak peristiwa dan tahun peristiwa mengenai kisah hidup beliau yang masih misteri. Para pengkaji Shaikh Nuruddin saling berbeza pendapat dalam sesetengah perkara.

KAJIAN BUSTANUS SALATIN

Kitab Bustanus Salatin terdiri daripada tujuh bab. Adapun bab yang menjadi tumpuan di sini ialah bab ketujuh. Bab ini terdiri daripada empat fasal. Fasal yang menjadi tumpuan di sini ialah fasal ketiga, iaitu *fasal pada menyatakan ilmu tashrīḥ dan ilmu ṭibb.*

Kajian terhadap fasal ini bukanlah sesuatu yang baharu, bahkan telah dikaji oleh banyak pihak. Antara kajian Bustanus Salatin bab ketujuh fasal ketiga yang agak baik ialah kajian oleh Pisol Maidin pada tahun 1995. Kajian beliau turut melampirkan transliterasi tidak lengkap berdasarkan dua manuskrip iaitu;

1. Manuskrip daripada Bibliotheque Royale de Belgique, Brussels, MS 21514
2. Manuskrip daripada Perpustakan Negara Malaysia, MS 1076

Usaha yang beliau lakukan itu, meskipun tidak

lengkap dan sempurna, perlulah dihargai dan disanjung. Namun sebagai manusia, tentulah tidak sunyi daripada kesalahan. Maka dengan itu, kajian saya yang berpandukan 10 manuskrip ini, diharap dapat memperbaiki apa yang telah beliau usahakan, inshaAllah.

Antara kekurangan yang paling ketara ialah transliterasi tersebut tidak lengkap, kerana beliau tidak memasukkan ayat-ayat bahasa Arab yang ada dalam manuskrip tersebut. Ayat-ayat tersebut merupakan ayat Al-Quran dan hadis yang digunakan oleh Shaikh untuk menyokong sesuatu kenyataan yang beliau nyatakan.

Seterusnya transliterasi bagi beberapa perkataan adalah tidak tepat, khususnya perkataan yang berasal daripada bahasa Arab. Kesalahan itu menyebabkan maknanya tidak tepat. Apabila perkataan yang salah itu dihuraikan, maka tersasarlah daripada makna sebenar perkataan tersebut.

Kemudian beliau juga banyak menggunakan sumber sekunder sebagai rujukan. Maka saya gunakan sumber-sumber primer untuk menghuraikan sesuatu konsep yang kurang jelas dalam manuskrip tersebut.

Dan secara umumnya, manuskrip-manuskrip kitab tib banyak dikaji oleh ahli-ahli akademik yang tidak terlibat secara langsung dengan pengamalan perubatan klasik, mereka tidak terdedah dengan suasana sebenar dunia perubatan klasik. Maka dengan itu kajian ini dilakukan dari sudut pandang pihak yang terlibat secara langsung dengan bidang ini, kerana ada perbezaan antara mereka yang hanya terlibat secara teoretikal dengan

mereka yang terlibat secara teoretikal dan praktikal, khususnya dari sudut ilmu dan pengalaman.

Meskipun begitu, tidaklah saya katakan kajian saya ini sempurna secara mutlak. Pasti ada yang tersalah di sana sini. Semoga akan ada pengkaji lain yang membetulkan jika ada sebarang kesalahan dalam kajian saya ini, inshaAllah.

BAB KETUJUH FASAL KETIGA

Kitab Bustanus Salatin bab ketujuh fasal ketiga terdiri daripada dua bahagian iaitu;

1. Ilmu *Tashrīḥ* (anatomi)
2. Ilmu *Ṭibb* (perubatan)

Bahagian *tashrīḥ* dapat dipecahkan kepada dua pecahan. Pecahan pertama membahaskan 40 anggota tubuh badan manusia secara satu persatu. Perbahasan yang sama juga disebut dalam kitab *Khazinatul Insan* karya Hakim Abdullah yang dikarang jauh lebih lewat berbanding Bustan, maka kemungkinan besar ianya dipetik daripada Bustan. Sehingga kini saya belum menjumpai sumber sebenar bagi penetapan anggota tubuh badan kepada 40 anggota. Jika tiada sumber, maka kemungkinan besar penetapan angka 40 itu memang idea asli oleh Shaikh Nuruddin Ar-Raniri. Saya namakannya *Ilmu Empat Puluh Anggota.*

Pecahan kedua pula membahaskan perbandingan antara manusia dan alam semesta. Shaikh menggunakan konsep *ʿālam ṣaghīr* iaitu alam kecil dan *ʿālam kabīr* iaitu

alam besar. Manusia dan alam dianggap sebagai cerminan masing-masing, yakni apa yang ada pada manusia, itulah juga yang ada pada alam, dan begitulah juga sebaliknya. Konsep ini tidak jauh bezanya dengan apa yang dikemukakan oleh *Ikhwānuṣ Ṣafā.*

Adapun bahagian *ṭibb,* dapatlah dipecahkannya kepada empat pecahan. Pecahan pertama membahaskan asas ilmu perubatan. Antara topiknya ialah;

1. Empat unsur
2. Sembilan tabiat *(mizāj)*
3. Empat cecair
4. Empat tenaga *(quwwah)*
5. Tujuh anggota penghulu
6. Enam punca yang tidak dapat dielakkan
7. Sepuluh tanda untuk mengenal tabiat tubuh

Pecahan kedua pula membahaskan asas perawatan penyakit. Antara topiknya ialah;

1. Galakan mengubati penyakit
2. Asal usul ilmu ubatan
3. Ilmu sembilan rasa
4. Tabiat dan darjah ubat-ubatan

Pecahan ketiga membahaskan bahan-bahan tunggal yang boleh digunakan sebagai ubatan, dikenali juga sebagai *materia medica* atau *adwiyah mufradah.* Shaikh menyebutkan sekitar 73 jenis bahan ubatan daripada tiga jenis sumber iaitu;


1. Tumbuhan

2. Haiwan
3. Mineral

Pecahan keempat pula melampirkan lima hikayat dan satu koleksi petua yang disandarkan kepada Galen. Tajuk-tajuknya ialah;

1. Hikayat Raja Malik Shah dengan seorang tobib yang bijaksana
2. Hikayat hukama dengan Abuzurjmihr *al-Ḥakīm*
3. Hikayat Raja Nushirwan *al-'Ādil* dengan seorang tobib tua
4. Hikayat sultan Rom dengan segala tobib
5. Hikayat raja Rom dengan empat tobib
6. Petua *Jālīnūs* akan perkara yang mempusakai kelupaan

Itulah struktur kandungan kitab Bustanus Salatin bab ketujuh fasal ketiga secara ringkas. Gambaran yang lebih jelas dapat dilihat dalam rajah berikut;



Peta Minda 2: Struktur kandungan kitab Bustanus Salatin bab ketujuh fasal ketiga

10 MANUSKRIP

Kajian ini dibuat berdasarkan 10 buah manuskrip yang diperoleh daripada pelbagai sumber. Berikut adalah senarai 10 manuskrip tersebut berserta simbol yang digunakan untuk mewakili setiap manuskrip;

A. Perpustakaan Negara Malaysia, MSS 3059
B. Perpustakaan Negara Malaysia, MSS 1076
C. Bibliotheque Royale de Belgique, Brussels MS 21514
D. Perpustakaan Negara Malaysia, MSS 1211
E. Perpustakaan Negara Malaysia, MSS 2171
F. Perpustakaan Negara Malaysia, MSS 4039
G. Perpustakaan Negara Malaysia, MSS 4186
H. Perpustakaan Nasional Indonesia, ML 310
I. Perpustakaan Negeri Berlin, PPN 826269036
J. Perpustakaan Negeri Berlin, PPN 839011628

Manuskrip A dijadikan manuskrip utama dalam kajian ini. Antara faktor pemilihan manuskrip A ialah keadaannya yang sangat baik dan tulisannya jelas sekali. Dari segi isi, manuskrip A sangat lengkap kandungannya. Selain itu, menurut Dr. Harun Mat Piah, manuskrip A adalah antara manuskrip Bustanus Salatin yang paling autentik dan layak dijadikan sandaran yang kukuh.

Walau bagaimanapun, tetap terdapat beberapa kekurangan pada manuskrip A. Maka manuskrip-manuskrip lain dijadikan rujukan apabila manuskrip A kelihatan kurang tepat atau kurang relevan. Manuskrip B dijadikan sebagai rujukan utama selepas manuskrip A

kerana ketepatannya agak tinggi berbanding manuskrip-manuskrip lain.

Manuskrip A hampir sama isinya dengan manuskrip D. Manakala manuskrip I dan manuskrip J boleh dikatakan sama sepenuhnya, berbeza hanya pada gaya tulisan, mungkin disalin oleh dua orang yang berbeza berpandukan manuskrip asal yang sama, ataupun salah satunya disalin daripada yang satu lagi.

Setiap manuskrip ada kelebihan yang tersendiri. Maka dengan sebab itu kesemua manuskrip yang lain itu tetap dijadikan rujukan untuk menyediakan teks Bustanus Salatin yang terbaik menurut kemampuan saya. Saya memilih perkataan yang terbaik daripada setiap manuskrip untuk dijadikan teks utama dalam kajian ini.

PERBEZAAN MANUSKRIP

Secara umumnya kesemua manuskrip ini adalah saling berbeza. Namun ada juga beberapa manuskrip yang hampir sama isinya.

Perbezaan sesama manuskrip ini dapatlah dibahagikan kepada dua kategori;

1. Perbezaan kuantitatif
2. Perbezaan kualitatif

Perbezaan kuantitatif ialah perbezaan yang melibatkan sama ada sesuatu perkataan itu ditulis ataupun tidak ditulis dalam sesuatu manuskrip. Perbezaan kuantitatif pada manuskrip-manuskrip ada yang betul-betul ketara dan besar bezanya, ada juga yang berbeza

secara kecil-kecilan, maka terdapat dua jenis perbezaan kuantitatif iaitu;

1. Perbezaan besar
2. Perbezaan kecil

Manuskrip E hanya menyatakan bahagian ilmu *tashrīḥ*, adapun bahagian ilmu *ṭibb* tidak ada langsung. Bahkan pembuka dan penutup manuskrip adalah sempurna dan memang disengajakan. Dan memang di awalnya ditulis bahawa tulisan tersebut hanya membicarakan ilmu *tashrīḥ* semata-mata.

Manuskrip D pula hilang bahagian awal dan bahagian akhir. Pembuka dan penutup manuskrip tidak sempurna. Mungkin kerana kecuaian penyimpannya menyebabkan ia hilang, dan tidak mustahil juga penyalinnya menyalin daripada manuskrip yang memang tidak sempurna.

Itu dari sudut kuantitatif yang berkurangan, adapun dari sudut kuantitatif yang berlebihan dapat dilihat secara agak ketara pada manuskrip D yang menambah beberapa isi pada beberapa bahan ubatan contohnya pada tajuk *jemuju khursani*. Penambahan itu menurut pertimbangan saya bukanlah daripada manuskrip asal, bahkan ditambah oleh penyalin berdasarkan ilmunya atau kitab tib yang dimilikinya. Ini kerana gaya bahasanya terlalu jauh berbeza dan menyamai gaya bahasa sesetengah kitab tib. Maka saya gugurkan.

Seterusnya ialah perbezaan kecil-kecilan, yakni hanya melibatkan ada atau tiadanya sesuatu perkataan

atau ayat tertentu. Terlalu banyak contohnya. Sebahagiannya saya catatkan pada nota kaki.

Kita lihat pula perbezaan kualitatif. Yang saya maksudkan dengan perbezaan kualitatif ialah perbezaan yang melibatkan penggunaan perkataan atau ayat yang berbeza untuk makna yang sama, dan ada juga yang memang berbeza maknanya.

Secara umumnya saya pecahkan kepada dua jenis perbezaan kualitatif iaitu;

1. Perbezaan utama
2. Perbezaan samping

Perbezaan utama ialah perbezaan yang betul-betul melibatkan makna, isi dan konsep yang ingin disampaikan oleh penulis. Contohnya ialah manuskrip A menterjemah *al-ḥabbat al-sawdā’* sebagai *kalajira,* manakala manuskrip B menterjemahnya sebagai *jira hitam.* Sebahagian perbezaan utama dinyatakan pada nota kaki.

Perbezaan samping ialah perbezaan yang hanya melibatkan perkataan sokongan atau gaya susunan ayat. Contohnya ialah penggunaan penanda wacana, kata sendi dan kata hubung yang berbeza. Perbezaan samping ini tidaklah terlalu penting, maka secara umumnya saya menggunakan perkataan dan gaya bahasa yang tercatat dalam manuskrip A.

Inilah perbezaan yang ada dalam 10 manuskrip kajian secara ringkasnya. Adapun perbezaan manuskrip dari sudut fizikal seperti kertas, penjilidan dan tulisan, tidaklah dinyatakan, kerana ianya bukanlah fokus utama

kajian ini. Fokus utama kajian ini adalah untuk mengeluarkan isi-isi maknawi karya Bustanus Salatin agar dapat digunakan dalam kajian-kajian perubatan, inshaAllah.

KAEDAH KAJIAN

Pertamanya perlulah diketahui bahawasanya kajian ini tidak terikat dengan mana-mana kaedah atau metodologi penyelidikan yang dibangunkan oleh mana-mana pihak. Kajian ini dilakukan dengan metod yang tersendiri.

Kaedah atau pedekatan yang digunakan dalam kajian ini ialah *integratif* dan *eklektik*. Yang dimaksudkan dengan integratif ialah mencari sebanyak mungkin sumber yang ada dan dikumpulkan sekali, kerana itulah dikumpulkan sehingga 10 manuskrip. Yang dimaksudkan dengan eklektik pula ialah memilih isi yang terbaik dan yang paling tepat daripada kesemua manuskrip yang telah dikumpulkan itu.

Dari sudut kuantitatif, saya menggunakan manuskrip A sebagai teks dasar. Sekiranya terdapat kekurangan pada manuskrip A, maka manuskrip lain akan digunakan untuk menampung kekurangan tersebut, khususnya manuskrip B dan C. Jika manuskrip A ada penambahan, maka penambahan tersebut akan diterima sekalipun ia tidak tercatat dalam manuskrip-manuskrip lain. Kadang-kadang penambahan pada manuskrip A itu memang tersalah atau terulang, maka ianya digugurkan dan dicatatkan pada nota kaki.

Dari sudut kualitatif, manuskrip A tetap dijadikan

teks dasar, namun adakalanya manuskrip A menyebutkan sesuatu yang tidak tepat, maka tempat tersebut akan digantikan dengan petikan daripada manuskrip lain yang lebih tepat. Sekiranya manuskrip-manuskrip lain masih tidak dapat memberikan sesuatu yang tepat, maka saya lakukan penambahan seminimum mungkin pada teks. Penambahan sama ada daripada manuskrip selain A atau daripada saya sendiri, kesemuanya dimasukkan ke dalam tanda kurungan petak sebegini [ ] dan dicatatkan pada nota kaki.

Ada sesetengah perkataan dieja secara klasik, maka dibetulkan ejaannya dan dicatatkan ejaan asalnya pada nota kaki. Ada juga yang memang tersalah ejaan seperti terkurang huruf atau tersalah titik, maka ianya dibetulkan dan dicatatkan. Huruf ڤ dan ک yang dibaca sebagai *pa* dan *ga* tidaklah dicatatkan.

Untuk menentukan sama ada sesuatu konsep itu tepat atau tidak, secara umumnya saya menggunakan kitab-kitab *ṭibb* yang muktabar sebagai rujukan utama. Sebahagian huraian daripada kitab-kitab *ṭibb* muktabar dicatatkan pada nota kaki. Huraian tersebut penting untuk memahami konsep perubatan yang ingin disampaikan oleh Shaikh, lebih-lebih lagi bagi mereka yang tidak mempunyai asas Perubatan Greek-Arab-Melayu. Untuk mengetahui asas-asas Perubatan Greek-Arab-Melayu, bolehlah dirujuk buku saya yang berjudul *Oximel,* buku ini adalah terjemahan karya Ibnu Sina tentang formula ubatan Oximel, di awalnya saya lampirkan pengenalan kepada Perubatan Ibnu Sina.

Dari sudut bahasa, kebanyakannya dirujuk daripada Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) serta Kamus Besar Bahasa Indonesia (KBBI).

Di samping itu, saya melakukan penambahan tajuk kepada semua topik untuk memudahkan pembacaan dan kajian. Tajuk-tajuk yang ditambah itu diletakkan dalam tanda kurungan petak.

KITAB *ṬIBB* MUKTABAR

Kitab *ṭibb* muktabar ialah kitab-kitab *ṭibb* yang berautoriti dan layak dijadikan sandaran utama dalam perubatan klasik. Secara khususnya kitab *ṭibb* yang saya gunakan ialah kitab *ṭibb* aliran Greek-Arab-Melayu. Antara kitab *ṭibb* muktabar yang digunakan ialah;

1. *Al-Ṭibb al-Nabawī,* karya *Ibn Qayyim al-Jawziyyah*
2. *Al-Ḥāwī fī al-Ṭibb,* karya *Ibn Zakariyyā al-Rāzī*
3. *Al-Masā'il fī al-Ṭibb,* karya *Ḥunayn bin Isḥāq*
4. *Al-Aghżiyah wa al-Adwiyah,* karya *Isḥāq bin Sulaymān*
5. *Kāmil al-Ṣinā'ah al-Ṭibbiyyah,* karya *'Alī bin al-'Abbās*
6. *Al-Qānūn fī al-Ṭibb,* karya *Ibn Sīnā*
7. *Al-Mūjaz fī al-Ṭibb,* karya *Ibn al-Nafīs*
8. *Qānūnchah fī al-Ṭibb,* karya *Maḥmūd al-Jaghmīnī*
9. *Al-Kulliyyāt fī al-Ṭibb,* karya *Ibn Rushd*
10. *Tāj al-Salāṭīn,* karya *Bukhārī al-Jawharī*
11. *Khazīnat al-Insān,* karya *Ḥakīm 'Abdullah*
12. *Ṭayyib al-Īḥsān fī Ṭibb al-Insān,* karya *Aḥmad al-Faṭānī*
13. *Al-Raḥmah fī al-Ṭibb wa al-Ḥikmah,* karya *'Abbās*

Kuta Karang

14. Karya-karya Hippocrates
15. Karya-karya Galen

AL-QURAN DAN HADIS

Bustanus Salatin mengandungi banyak petikan ayat-ayat al-Quran dan hadis. Kajian ini hanya menyatakan takhrij bagi ayat al-Quran. Adapun takhrij bagi hadis tidak dinyatakan dalam kajian ini atas beberapa sebab.

Antara sebab utamanya ialah status sesetengah hadis adalah tidak muktamad. Status hadis tersebut mungkin diterima oleh sebahagian ulama dan ditolak oleh sebahagian yang lain. Maka tidak adil jika hanya dinyatakan pendapat pihak tertentu, ia boleh mendatangkan sikap bias, bahkan mungkin membawa kepada penolakan kitab ini secara total oleh mereka yang tidak rasional dan jenis pukul rata, khususnya golongan *ḥashawiyyah.*

Boleh jadi status sesuatu hadis tersebut muktamad pada suatu masa tertentu, namun kemudiannya berubah kepada status lain setelah dibuat kajian semula. Dan sememangnya hal ini berlaku. Namun akan ada pihak tertentu yang mempertahankan pendapat terdahulu dengan hujah tertentu, hasilnya masalah ini tidak selesai.

Maka dengan itu, sesiapa yang berminat dengan kajian hadis kitab ini bolehlah mengusahakan takhrij yang adil bagi hadis-hadis tersebut.

Mana-mana kesilapan pada ejaan ayat Al-Quran atau hadis terus saya betulkan. Dari sudut ketepatan,

manuskrip B adalah yang terbaik, ia menunjukkan penyalinnya sangat teliti dalam menyalin, atau sangat mahir dalam bahasa Arab.

CABARAN KAJIAN

Cabaran utama dalam kajian ini ialah aspek bahasa. Seperti yang kita tahu Shaikh Nuruddin Ar-Raniri mempunyai darah Arab dan Melayu, dilahirkan di India serta pernah menetap di Aceh (Indonesia) dan Tanah Melayu (Malaysia). Latar belakang beliau yang pelbagai ini mempengaruhi dan mewarnai gaya bahasanya.

Bahasa Melayu yang beliau gunakan boleh dikatakan agak seimbang antara bahasa Aceh dan Tanah Melayu. Pengunaan bahasa Arab memang sangat ketara dalam kitab ini. Sebahagian penyalin mungkin kurang mahir, maka banyak juga istilah arab yang dieja secara salah, maka telah saya catatkan pembetulannya.

Tidak cukup dengan itu, beliau turut memasukkan istilah-istilah daripada India ke dalam karyanya seperti *kadalai*, *kapulaga*, *kundurukam* dan *kalajira*. Sebahagian istilah-istilah tersebut sudah tidak sama maknanya dengan penggunaan zaman sekarang, maka huraian dan penjelasan telah diberikan dalam catatan.

TUGAS BELUM SELESAI

Kajian ini adalah kajian awal yang sangat ringkas. Masih banyak sudut yang boleh dikaji. Setiap bahan yang disebutkan perlulah disahkan khasiatnya melalui eksperimen. Setiap ayat dan perkataan perlu dihurai dan

dijelaskan. Segala kesalahan fakta dalam kitab ini perlu dibetulkan melalui pembuktian saintifik. Semua konsep yang benar perlulah dihidupkan dan dikembangkan. Pendek kata, banyak lagi tugas yang perlu dilakukan oleh para pengkaji Perubatan Melayu. Bukan setakat Bustanus Salatin sahaja, bahkan kajian perlulah diteruskan terhadap ratusan atau ribuan manuskrip Perubatan Melayu yang masih tersimpan dan terpesorok di ceruk-ceruk perpustakaan atau simpanan peribadi individu tertentu. Semoga Allah mempermudahkan segala urusan pengkajian khazanah-khazanah alam Melayu khususnya, dan alam Islam umumnya, inshaAllah.

GAMBAR MANUSKRIP

Dengan ini saya lampirkan petikan gambar bagi 10 manuskrip yang digunakan dalam kajian ini untuk tatapan para pembaca.

Selamat Membaca

مك لكلاكي يڠ منده عوا ايت فون داتڠله مك كات اياس هي
لكلاكي بهوسڽ تله اقرارله اكن ارتام يڠكو تارهكن كفد
ڽ ايت مك كات اياس هي لكلاكي امبلله ارتام مك دبمبل لكلا
كي ايتوله ارتاڽ لالو كمبليله اي كروميهڽ شهدان تياداله
ففير مانجتكن فركتاءن هڠݢ ممبل سمفن جوا فصل يڠ
كنتيك فد ميتاكن علم تشريح دان علم طب دان يارعنيڠ
تعلق كفداڽ سرت دڠن بيراف حكايت يڠ مناسبت دڠنڽ
اد فون علم تشريح ايت يايت سوات ڤڠتهوان اكن سكل جا
رعيڠ كجدين اڠݢوتڽ دالم وجود انسان كات سكل علما
بهو كجدين اڠݢوت انسان ايت ترامت درفد سكل كجدين
مخلوق سفرة فرمان الله تعالى يڠ ترسبت دالم قرءان خلق السمو
ات اكبر من خلق الناس ارتيڽ اداله كجديكن توجه فتال
لاڠيت ايت تياد ترليه بسر درفد كجدين مانسي سفرة سبد نبي
صلى الله عليه وسلم ليس من شيء خير من الف مثله الا الانسان
ارتيڽ تياد جو سوات يڠ ترليه بايك درفد سريب سباله
سباكي ملينكن انسان كات سكل علما تفاق دڠن سكل حكما
فد منتوكن سكل اڠݢوت يڠ اد دالم وجودڽ ايت يايت
امفت فوله فرتام كفلا يايت دحيد يكن الله تعالى درفد
تولڠ كدو فيف دان داكو يايت امفت بلس تولڠ دان تيك

Rajah 4: Muka awal manuskrip A

152

دان سفرتيک بکل نفس کلور ملق حکايت کات جلنوس حکيم
توجه فرکار يڠ ممفسکاي کلفان ماشي فرتام منڠر کتکات
يڠ تياد برمنفعة لاکر تياد مکلور دالم هات کدوا ممبوڠ دارة
درفد تڠکفق کتيک ممبوڠ قضا حاجة ماشي کفد اير يڠ تنتڠ
کامفت برباڽق ماکن مکانن يڠ ماسم کليم منيلک کفد
موک ميت کانم برباڽق تيدر کتوجه سنتياس منيلک کفد
تمفت يڠ بناس دان لاکر فول ممسکاي کلفان ايت توجه فر
کارجو فرتام ساعة بلغم کدو ترتاو کلقه۲ کتيک برباڽق
ماکن مکانن يڠ ماسم کامفت برباڽق ممکن دڠن يڠ لمق کليم
برباجمع کانم برجاک سرة لتيهڽ کتوجه ممکن سرب سکل مکا
نن يڠ خصيتڽ سجق دان سکل مکانن يڠ لمق مک جکل دماکن
ڽ سکيين ايت جادي برتمبهله کلفاتڽ فصل فد ميتاکن فضيلة
نکاح دان فري لاکون سکل فرمفون يڠ درفد بجيکن دان کجه
کجهاتن دان ميتاکن بيراڤ درفد سکل حکايت يڠ عجايب لاکي
غريب يڠ منمبلکن کسکاان هاتي سکل يڠ ممباچ دان منڠر کنداڽ
لاکي مقبول عبارة دغنديڽ سکل يڠ مليهة دڠن مات هتيڽ کات
سکل علماء رضي الله عنهم بهواسڽ برسکر هاتي دڠن سکل فکر
جاڠن بيڠد هار سکن شرع سفاي يڠد اي کن يڠ مڠر نياي
سوک ايت مد همداهن تياد الداي جمو فد مڠر جاکن طاعة

Rajah 5: Muka akhir manuskrip A

Rajah 6: Muka awal manuskrip B

سبكيات بكين سكل يڠ بديعان مڠرجاكن سڠوه كات طبيب حبشي ايت كنداي
ترفليهارا توبهڽ درفد سكل فكالة سڠوه سيد نبي صلى الله عليه وسلم
ما ملأ ابن ادم دعاء من بطنه دان كات مالابد فثلث
للطعام وثلث للشراب وثلث لنفس ارتيڽ تياد درفد باجن
يڠ فنوه اي انق ادم ايت ترلبه جاهة درفد فرتڽ دان جك اداي تياد دافت
تياد ايسيڽ جوا كات جالنوس الحكيم توجه فركار يڠ ممبواي كلفاأن
مانشي ايت فرتام سنده فركات م يڤتيا دممبري منفعة كالا تياد ماسق
ديدالم هات كدوا ممبوڠ دار درفد تفلقن كتيك ممبوڠ حاجة سني
فد اير يڠ تنڠ كامفت برباڽق ماكن مكانن يڠ ماسم كليم منيلك كند
موك ميت كانم برباڽق تيدر كتوجه سنتياس منيلك كند تمفت يڠ بناسن
دان يڠ ممبو سكالي كلوفأن ايت توجه فركار فرتام ساڠت بلغم
كدوا اتر تاو اكلفرم كتيك برباڽق ماكن مكانن يڠ ماسم كامفت برباڽق داكيڠ
لمق كليم برباڽق جماع كانم برجاڬ سڠت لتيهن كتوجه ماكن سكل ماكن مكانن
يڠ سجق حميتڽ دان سكل ماكن مكانن يڠ لمق مك جك دماكن ن سكليڽ ايت
برتمبه له كلوفأنڽ تمت باب التشريح والطبيب والله اعلم
فصل اين يڠ كامفت فد ميتاكن فضيلة نكاح دان فري كلاكوان
سكل فومفون درفد كبجيكن دان كجهاتن دان ميتاكن بيراف درفد

109

سكل مطلوبڽ

Rajah 7: Muka akhir manuskrip B

Rajah 8: Muka awal manuskrip C,
dipetik daripada lampiran Pisol Maidin

Rajah 9: Muka kedua manuskrip C,
dipetik daripada lampiran Pisol Maidin

Rajah 10: Muka awal manuskrip D

Rajah 11: Muka akhir manuskrip D

Rajah 12: Muka awal manuskrip E

Rajah 13: Muka akhir manuskrip E

اباس فون ممبچاراي دوا المهتين سرت اي منيلك کفداڽ براوڠ
مک کات اياس اکندي هي لکلاکي سدهکه تولڠم ايت ممفي کوت تمفت دهنک
ايت مک ساهت بلم لاکي ممفي ماري مک کات اياس اکندي هي عدو
الله بهوا غکوچوك يڠ خيانت اکن ارة تولڠم ايت مک ساهت
تون معفکن افا لکيرا اکن همب سفاي دمعفکن الله تعالى ندر +
وتعالى اکن تون همب مک دسوره اياس هوا فيل اکندي مک دهوي
اورڠ له سهدن مک لکلاکي يڠ منداعوا دي ايت فون داتڠله مک
کات اياس اکندي بهوا قرارله اي اکن ارتام يڠ فنا دهکن کفداڽ
ايت مک کات اياس هي لکلاکي امبيلله ارتام اين مک دامبيل اوله لاکي
اين اوله اکن ارتاڽ لالو اي فون کمبالي له کروماهڽ کهيدر زمک
بياد فقير ملنجتکن فرکتاان هڠک معمبيل مفعت جوا تمت
فصـــل يڠ مڽتاکن فد مڽتاکن علم تشريح دان عـلم
طب عن بارڠ يڠ تعلق کفداڽ سرت دڠن بيرا فحکايت مثال
دعندي ادافون علم تشريح ايت يائت سواة فڠتهوان اکن
سکل بارڠ يڠ جادين اڠکوت يڠ دالم اوجود انسان کات علما

Rajah 14: Muka awal manuskrip F


Rajah 15: Muka akhir manuskrip F

Rajah 16: Muka awal manuskrip G

Rajah 17: Muka akhir manuskrip G

علم نسب يڠ دان علم طب دان بارڠسيڤ
تعلق كڤدان سرت دڠن بيبراڤ حكاية
يڠ مناسب د ڠندي اد ڤون علم نسب يڠ
ايت يائت سوات ڤڠتهوان اكن سكل بار يڠ
كجدين اڤكوت يڠ اد دالم وجود لنسان
كات سكل علما يعني كجدين انسان ايت
ترانا مردي ڤد كجدين مخلوق يڠ لاين
سڤرتي فرمان الله تعالى لخلق السموات
اكبر من خلق الناس ارتين اداله كجدين
توجه فاتل لاڠيت ايت ترلبه بسر درڤد
سكلين كجدين مانسي كات سكل علما اتڤون
سكل حكما ڤد منيتاكن سكل اڤكوت يڠ اد
دالم وجود انسان يائت امڤت ڤوله ڤرتام
لڤن يائت د جديكن الله تعالى درڤد
توجه ڤولوه كدو ڤيتو دان داكو يائت

Rajah 18: Muka awal manuskrip H



Rajah 19: Muka akhir manuskrip H

Rajah 20: Muka awal manuskrip I

Rajah 21: Muka akhir manuskrip I

سودهله قاضي تاه كتاث ياتوان قاضي توان معافكن اكو همب سڠاي
دمعفكن الله اكن توان همب مك قاضي ميوروڠكن اقرارث ستله لاكي٢
يڠ فركي ايت داتڠ مك كات قاضي لاكي٢ امبيلله ارتام كفد سوداڬر اين
اقرارث مك دفولڠكن اوله سوداڬر ارتاث مك برلبيه٢ فوله كور دمفت
سفولهان تيدا لاڬي فنجقكن فركتأنث دڠكل سعمبارا سمفتيث جوا
جرترانث . فصل يڠ كتيك فد مپتاكن علم تشريح دان علم طبيب
دڠن بارڠ يڠ تعلق كفداث دڠن بيراڤ حكايت يڠ ستله دتنداي
اداڤون علم تشريح ياءيت سواتو فڠتهوان اكن سڬل بلاهن كجدين
انكوات يڠ دالم اجوداث اداڤون كات سڬل علما بهو كجدين
انسان ايت تراوتام درڤد كجدين سڬل مخلوق يڠ لاين سفرتي
فرمان الله تعالى إن خلق السموات اكبر من خلق الناس الآية
كجدين توجه نتال لانعم ايت ترلبيه بسر درڤد كجدين مانسي
مك بتاله سفرتي فرمان الله اين بهو كجدين انسان ايت ترلبيه
بسر درڤد سلطان كجدين سفرتي سبد نبي صلى الله عليه وسلم

Rajah 22: Muka awal manuskrip J

دسکن دمکين ايت مک برتمبه لاݢي فصل يڠ مڽتاکن فد مڽتاکن
فضيلة نکاح دان فري سݢال کلکوان فراسوان درفد کجيکن دان
کجهاتن دان مڽتاکن بيراف حکايت يڠ عجائب٢ لاݢي غريب٢ دان يڠ
منمبلکن کسوکاءن هاتي سݢال يڠ مصيبة دري دان يڠ سنن تکنون
لاݢي ممبري عبارة سݢال يڠ سليمة دڠن هات هنديقله اد فون کات
علماء بهوسنڽ برسوک٢ هاتي فد سݢال فکرجان يڠ فد هاري سکن
شرع سفاي ابدة اي اکن يڠ مڠرتيکن اکن دي مک ... هن٢
تياد جمو مفرجاکن طاعة اکن الله تعالى سفرة فرمان الله تعالى
قُلْ بِفَضْلِ اللَّهِ وَبِرَحْمَتِهِ فَبِذَٰلِكَ فَلْيَفْرَحُوا هُوَ خَيْرٌ مِمَّا يَجْمَعُونَ
ارتيڽ کات اوليهمو يا محمد استري يقد بکر دهاي تو دهنوت دڠن رحمتڽ
مک هندقله سريک برسوک دڠن دمکين ايت ترلبه بايک درفد يڠ دکرجاکن
اسري کيت اد فون بربوة عبادة ايت درافد لاݢي سوک بربوة عبا
دة اية دلسهتر سݢال عبادة دان سݢال نعمة ايت درفد الله تعالى

Rajah 23: Muka akhir manuskrip J

BUSTĀNUS SALĀṬĪN

Bab Ketujuh Fasal Ketiga

Fasal
yang ketiga
pada menyatakan
ilmu *tashrīḥ*[1] dan ilmu *ṭibb*[2]
dan barang yang takluk kepadanya
serta dengan beberapa
hikayat yang
munasabah
dengan
dia.

[1] Asalnya تسريح. Ilmu *tashrīḥ* ialah ilmu kaji anggota atau anatomi, iaitu ilmu tentang anggota yang ada pada tubuh badan manusia.

[2] Ilmu perubatan.

[ILMU *TASHRĪḤ*]

[PADA MENYATAKAN TAKRIF ILMU *TASHRĪḤ*]

Adapun ilmu *tashrīḥ* itu iaitu;

> *Suatu pengetahuan akan segala barang*[3] *kejadian anggota yang di dalam wujud insan.*

Kata segala ulama bahawa kejadian anggota insan itu terutama daripada segala kejadian makhluk, seperti firman Allah taala yang tersebut dalam Quran;

خَلْقُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ أَكْبَرُ مِنْ خَلْقِ النَّاسِ

> *Ertinya: Adalah kejadian tujuh petala langit itu tiada terlebih besar daripada kejadian manusia.*[4]

Seperti sabda Nabi *sallallahu alaihi wasallam;*

---

[3] Asalnya selepas *barang* ada *yang,* digugurkan.

[4] Surah Al-Ghafir ayat 57.

لَيْسَ شَيْءٌ خَيْرًا مِنْ أَلْفٍ مِثْلَهُ إِلَّا الْإِنْسَانَ

Ertinya: Tiada jua sesuatu yang terlebih baik daripada seribu sebagainya melainkan insan.

[PADA MENYATAKAN EMPAT PULUH ANGGOTA DALAM WUJUD INSAN]

Kata segala ulama[5] *ittifāq*[6] dengan segala hukama[7] pada menentukan segala anggota yang di dalam wujudnya itu iaitu empat puluh.

[PADA MENYATAKAN PERIHAL KEPALA]

Pertama, kepala iaitu dijadikan Allah taala daripada [tujuh][8] tulang.

[PADA MENYATAKAN PERIHAL PIPI DAN DAGU]

Kedua, pipi dan dagu iaitu empat belas tulang dan tiga puluh dua gigi pula.

---

[5] Dalam tradisi penulisan klasik, "ulama" biasanya merujuk kepada golongan yang menguasai ilmu-ilmu *naqlī,* iaitu ilmu-ilmu keagamaan.

[6] Bersetuju, bersepakat.

[7] "Hukama" atau *ḥakīm* merujuk kepada golongan yang menguasai ilmu-ilmu *'aqlī,* iaitu ilmu-ilmu akal, kajian dan pemikiran, khususnya ilmu mantiq, hikmah (falsafah) dan perubatan. Di benua Hindi, pengamal perubatan klasik aliran Greek-Arab *(Unani Medicine)* memang digelar sebagai *ḥakīm.*

[8] Manuskrip B.

Kedua puluh dulapan, jantung iaitu kejadiannya daripada daging iaitulah terlebih daripada segala daging.

Bujurnya seperti jantung pisang, dan tempat kediamannya sama tengah dada, dan kepalanya cenderung ke kiri, dan warnanya seperti biji delima.

Kata *Jālīnūs*[28] *al-Ḥakīm* bahawa adalah dalam jantung itu dua rongga, suatu ke kanan suatu ke kiri. Dan adalah yang terlebih banyak darah itu pada rongga yang di kanan jua.

Dan adalah pada jantung itu dua urat sampai ke otak, apabila sampai sesuatu kepada hati yang tiada muafakat dengan perangainya maka jadi terkerutlah[29] ia, daripada kerutnya itu jadi kerutlah dua urat yang sampai kepada otak itu, maka dari kerana itulah jadi kerut[30] badan insan.

Dan adapun pada suatu riwayat ada suatu urat kecil pada *shughāf al-qalb*[31] iaitu pati-pati hati, apabila sampai

---

28 Galen.

29 Kerut, yakni mengecut. Ayat ini menghuraikan fisiologi klasik dan mekanisme bagi pergerakan otot, khususnya otot skeletal.

30 Otot skeletal mengecut dengan sebab isharat daripada saraf yang datang daripada otak.

31 Dalam terjemahan moden ia merujuk kepada endokardium, iaitu lapisan jantung bahagian dalam.

Pertama tangan kedua, dan kaki kedua dan lutut kedua dan muka, dengan tujuh anggota itu insan [sujud akan Allah taala.

Dan kata setengah ulama bahawa tujuh anggota insan itu][94] iaitu pertama otak, kedua urat yang seni, ketiga urat yang besar, keempat tulang, kelima daging keenam darah, ketujuh kulit.

[PADA MENYATAKAN *'ĀLAM ṢAGHĪR* DAN *'ĀLAM KABĪR*]

Bermula barang yang dijadikan Allah taala dalam ketujuh petala langit dan bumi adalah pada wujud insan. Kata ahli *al-ishārah*[95] bahawa dijadikan Allah taala pada wujud insan itu barang yang dijadikan Allah taala pada ketujuh petala langit dan petala bumi. Maka ada kepada jasad insan itu zahirnya dan batinnya, demikianlah ada misal langit itu [batinnya][96] dan bumi itu [zahirnya][97], hingga barang yang ada dalam keduanya itu adalah pada wujud insan. Maka adalah wujud insan itu bernama *['ālam ṣaghīr]*[98], bumi dan langit itu dan barang yang ada antara

94 Manuskrip B.

95 Biasanya merujuk kepada golongan yang mendapat ilham, kashaf atau isharat daripada Allah.

96 Manuskrip B. Manuskrip A menulis *batin.*

97 Manuskrip B.

98 Manuskrip H. Manuskrip A menulis *'ālam kabīr* (alam besar, mikrokosmos).

keduanya itu bernama *[ʿālam kabīr]*[99].

Dan adalah kejadian insan terlebih baik daripada semesta sekalian dari kerana berhimpunan dalamnya segala barang yang ada dalam langit dan bumi.

Maka ada bagi langit itu ketinggian, dan demikian lagi ada bagi insan itu [kelakuannya][100] berdiri. Dan ada bagi langit itu matahari dan bulan, maka ada bagi insan itu kedua matanya. Dan ada bagi langit itu segala bintang, maka ada bagi insan itu segala giginya. Dan ada bagi langit itu berkitar-kitar[101], maka ada bagi insan itu perjalanan. Dan ada bagi langit itu hujan, maka ada bagi insan itu air matanya. Dan ada bagi langit itu kilat yang gemerlapan, maka ada bagi insan itu kejip-kejip matanya.

Dan lagi pula suatu misal. Ada bagi alam itu Arash, maka ada bagi insan itu [badannya. Dan ada bagi alam itu

---

[99] Manuskrip H. Manuskrip A menulis *ʿālam ṣaghīr* (alam kecil, mikrokosmos). Manuskrip-manuskrip lain menulis *ʿālam ṣaghīr* dan *ʿālam kabīr* secara terbalik. Hanya manuskrip H yang menulis secara betul dan tepat. Manusia dinamakan alam kecil kerana manusia dianggap memiliki segala yang ada di alam besar. Alam besar ini dinamakan juga sebagai manusia besar *(insān kabīr),* manakala manusia dinamakan juga sebagai manusia kecil *(insān ṣaghīr),* ini kerana apa yang ada pada manusia dianggap ada juga pada alam besar, yakni alam semesta raya.

[100] Manuskrip B. Manuskrip A menulis *lawannya.*

[101] Maksudnya kitaran, putaran atau pusingan bagi objek-objek di langit, contohnya pergerakan mengorbit.

Dan lagi pula dijadikan Allah taala dalam wujud insan itu empat jauhar[125];

- Pertama roh
- Kedua *'ishq*[126]
- Ketiga akal
- Keempat nafsu

Dan lagi dijadikan Allah taala roh itu empat sifat iaitu empat perkara nafsu;

- Pertama *ammārah*[127]
- Kedua *lawwāmah*[128]
- Ketiga *mulhamah*[129]
- Keempat *muṭmainnah*[130]

Maka adalah empat perkara jauhar itu takluk dengan empat anasir[131];

- Pertama [angin][132] takluk dengan roh
- Kedua air takluk dengan akal
- Ketiga api takluk dengan *'ishq*
- Keempat tanah takluk dengan nafsu

[125] Zat atau elemen yang membentuk hakikat sesuatu perkara.

[126] Kerinduan, kecintaan.

[127] Terjemahan literalnya, yang menyuruh.

[128] Terjemahan literalnya, yang mencela.

[129] Terjemahan literalnya, yang diberi ilham.

[130] Terjemahan literalnya, yang tenang.

[131] Unsur, elemen.

[132] Manuskrip B. Manuskrip A menulis *hawā'*.

rupa batinnya mereka itu."

[PADA MENYATAKAN BANDINGAN ALAM DAN INSAN]

Dan pada suatu misal lagi pula bahawa dijadikan Allah taala bagi alam guruh api[154] maka adalah bagi insan itu tabiat *ṣafrā'*. Dan adalah bagi alam itu guruh *hawā'*[155] maka adalah bagi insan itu darah. Dan adalah bagi alam itu air maka adalah bagi insan itu *balgham*. Dan adalah bagi alam itu [bumi][156] maka adalah bagi insan itu tabiat *sawdā'*[157].

Dan adalah bagi alam itu tujuh lapis bumi masing-masing pada warnanya, pertama hitam, kedua kelabu, ketiga warna cempaka layu[158], keempat kuning, kelima putih, keenam biru, ketujuh hijau[159].

Demikian lagi adalah bagi insan itu tujuh lapis, pertama kulit, kedua [lemak][160], ketiga daging, keempat segala urat yang seni-seni, kelima segala urat yang besar, keenam segala tulang lembut[161], ketujuh segala tulang

---

154 Asalnya كره اف. Mungkin bermaksud kilat, halilintar.

155 Asalnya كوه هوى. Manuskrip B menulis كره هوى. Mungkin bermaksud angin kuat, ribut, taufan.

156 Manuskrip B.

157 Asalnya *sawād*.

158 Mungkin merujuk kepada warna jingga atau putih kekuningan.

159 Asalnya هينجو.

160 Manuskrip B. Manuskrip A menulis لمف.

161 Merujuk kepada tulang muda atau tulang rawan.

Ertinya: Bahawasanya Kami jadikan insan itu sebaik-baik kejadian.[180]

Yakni berdiri betul[181] dan terlalu baik paras lagi dihias dengan akal dan membezakan antara baik dan jahat.

[PADA MENYATAKAN *INSĀN KĀMIL*]

Kata Hasan rahmatullahi alaih[182] bahawa ada dijadikan Allah taala pada insan iaitu barang yang ada dijadikan Allah taala pada alam ini, dan dipermuliai Allah taala akan dia dan dijadikanNya dengan kedua tangan kudratNya rupa *malik*[183] dan *malakūt*[184], dan dijadikanNya antara *ẓulumāt*[185] dan *nūr*[186], lagi dianugerahiNya akan dia roh dan rahsia dan *ʿishq* dan *shawq*[187] [dan *nūr*][188] dan makrifat dan ilmu dan akal dan faham dan firasat dan mendapat segala bahasa seperti firman Allah taala yang tersebut dalam Quran;

---

180 Surah At-Tin ayat 4.

181 Asalnya بيل.

182 Dalam manuskrip, perkataan *alaih* diulang dua kali.

183 Malaikat.

184 Asalnya منلكوت. *Malakūt* ialah alam malaikat.

185 Kegelapan.

186 Cahaya.

187 Manuskrip D menulis معشوق. *Shawq* ialah rasa suka dan cinta terhadap sesuatu perkara.

188 Manuskrip B.

[ILMU *ṬIBB*]

[PADA MENYATAKAN TAKRIF ILMU *ṬIBB*]

Kata segala ahli tobib bahawa ilmu *ṭibb* itu iaitu;

> *Pengetahuan akan segala hal*[204] *badan insan, dan memeliharakan sihat tubuh, lagi menyembuhkan segala penyakit daripada segala wujud.*

Maka adalah segala ilmu *ṭibb* itu terhimpun dalam dua patah kata ayat ini seperti firman Allah taala yang tersebut dalam Quran;

كُلُوا وَاشْرَبُوا وَلَا تُسْرِفُوا إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ

> *Ertinya: Makan minumlah kamu dan [jangan]*[205] *berlebih-lebihan, bahawasanya Allah taala tiada*

---

[204] Keadaan, sifat. Kebanyakan manuskrip lain menulis *aḥwāl.*

[205] Manuskrip B.

mengasihi orang yang makan minum berlebih-lebihan.[206]

Kata ahli *al-mufassirīn*[207] bahawasanya Allah taala menghimpunkan[208] ilmu ṭibb dalam [dua][209] patah kata ini. Dan adalah [ilmu *ṭibb* itu amat besar][210] faedahnya, seperti sabda Nabi sallallahu alaihi wasallam;

العِلْمُ عِلْمَانِ عِلْمُ الْأَدْيَانِ وَعِلْمُ الْأَبْدَانِ

Ertinya: Yang ilmu itu dua perkara, pertama ilmu agama, kedua ilmu ṭibb.

[PADA MENYATAKAN EMPAT UNSUR BAGI INSAN]

Kata segala ulama *ittifāq* dengan segala hukama bahawasanya Allah taala menjadikan segala *makhluqāt*[211] daripada[212] insan dan *ḥayawānāt*[213] dan *nabātāt*[214] dan *jamādāt*[215] tiada *khālī*[216] sekaliannya daripada empat

---

[206] Surah Al-A'raf ayat 31.

[207] Asalnya المسرفين. *Al-mufassirīn* ialah ahli tafsir Al-Quran.

[208] Asalnya مڠهمبللن مڠهمفناكن.

[209] Manuskrip B.

[210] Manuskrip H. Manuskrip A menulis سر.

[211] Makhluk-makhluk.

[212] Asalnya sebelum *daripada* ada *dan,* saya gugurkan supaya bertepatan dengan makna ayat, dan memang dalam manuskrip-manuskrip lain tiada *dan.*

[213] Haiwan, binatang.

[214] Tumbuhan.

[215] Objek kaku, batuan, mineral, galian.

[216] Sunyi, terlepas.

anasir, tetapi lebih kurang[217] [pada kejadian anasirnya][218].

- Pertama anasir *nār* iaitu anasir api, khasiatnya hangat lagi kering
- Kedua *hawā'* iaitu angin, khasiatnya hangat lagi basah
- Ketiga *mā'* iaitu air, khasiatnya sejuk lagi basah
- Keempat *turāb* iaitu tanah, khasiatnya sejuk lagi kering

[PADA MENYATAKAN SEMBILAN TABIAT BAGI UNSUR]

Maka daripada empat anasir itulah jadi sembilan tabiat;

- Pertama *ḥarārah* iaitu hangat
- Kedua *yubūsah* iaitu kering, keduanya jadi daripada api[219]
- Ketiga *burūdah*[220] iaitu sejuk
- Keempat *ruṭūbah* iaitu basah
- Kelima *ḥārr [yābis]*[221] iaitu hangat lagi kering
- Keenam *ḥārr raṭb* iaitu hangat lagi basah

---

217 Maksudnya kesemua makhluk terdiri daripada empat anasir tersebut, apa yang membezakan sesama makhluk hanyalah kuantiti anasir iaitu sama ada terlebih sesuatu anasir atau terkurang sesuatu anasir, termasuklah juga perbezaan pada kualiti anasir.

218 Manuskrip B. Manuskrip A menulis *daripada kejadian anasir.*

219 Merujuk kepada unsur api yang bertabiat panas dan kering.

220 Asalnya برودات.

221 Manuskrip B.

- Ketujuh *bārid yābis*[222] iaitu [sejuk lagi kering][223]
- Kedulapan *bārid*[224] *raṭb* iaitu sejuk lagi basah
- Kesembilan *muʿtadil* iaitu sederhana

[PADA MENYATAKAN EMPAT CAIR BAGI INSAN]

Kata segala *aṭibbā'*[225] apabila masuk ke dalam perut insan segala makan-makanan, maka [dipermasak][226] *ḥarārah*[227] perut akan dia hingga jadi mencernakan[228], maka jadi kimus iaitu makan-makanan yang cair seperti kanji halba[229]. Setelah itu maka dihisap[230] perut yang seni-seni akan cair itu hingga sampai kepada suatu kekendi yang di sisi hati, maka dipermasak *ḥarārah* hati akan dia jadi kilus namanya seperti yang telah tersebut pada ilmu *tashrīḥ* yang telah termasuk, jadilah cair itu terbahagi atas empat bahagi;

- Pertama *dam*[231] iaitu darah
- Kedua *balgham*

---

222 Asalnya ياتس.

223 Manuskrip B. Manuskrip A menulis *terlalu kering.*

224 Asalnya بار.

225 Kata jamak bagi *ṭabīb,* iaitu perawat, doktor, fizishen.

226 Manuskrip B. Manuskrip A menulis دفرسق.

227 Hangat atau panas, yakni sifat panas yang ada pada perut.

228 Asalnya منجاراناكن.

229 هلب. Manuskrip B menulis halia, هلي.

230 Asalnya دايسف. Manuskrip B menulis دهيسڤ.

231 Asalnya دام.

- Ketiga *ṣafrā’*[232]
- Keempat *sawdā’*[233]

Adapun darah khasiatnya *ḥārr raṭb* iaitu hangat lagi basah, warnanya merah, tempat kediamannya pada hati.

Adapun *balgham* khasiatnya *bārid raṭb* iaitu sejuk lagi basah, tempat kediamannya pada paru-paru, faedahnya membasahkan[234] segala anggota dan [jadi][235] makanan apabila tiada di dalam perut itu[236] sesuatu makanan[237].

Adapun *ṣafrā’* khasiatnya *ḥārr yābis* iaitu hangat lagi kering, tempat kediamannya pada hempedu, faedahnya menguningkan darah[238] dan membasahkan segala perut

---

232 Asalnya صفر.

233 Asalnya سود.

234 Asalnya مماسهکن.

235 Manuskrip B.

236 Perkataan *itu* diulang dua kali.

237 *Balgham* terbahagi kepada beberapa jenis, salah satunya berfungsi sebagai simpanan makanan. *Dam* merupakan makanan utama dalam tubuh, yakni sebagai bahan utama untuk menghasilkan tenaga. Setelah tubuh kekurangan *dam*, *balgham* akan bertukar kepada *dam*. Berdasarkan kajian dan pemerhatian saya setakat ini, dalam perkara ini, *balgham* itu ada yang bersifat lemak, manakala *dam* itu ada yang bersifat gula. Dalam fisiologi moden, apabila gula (glukosa) berkurangan maka lemak (lipid) boleh bertukar menjadi gula. Jadi, sebahagian fisiologi klasik tidak jauh bezanya dengan fisiologi moden. Hanyasanya kita perlukan akal yang kreatif dan minda yang terbuka.

238 *Ṣafrā’* menguningkan darah kerana memang ia berwarna kuning, yakni hempedu kuning. Menurut Perubatan Klasik, salah satu kesan *ṣafrā’* terhadap darah ialah mencairkan darah.

- [Keempat *quwwah*][248] *dāfi'ah*[249] iaitu *quwwah* mengeluarkan barang suatu yang ada dalam badan.

Maka apabila lebih kurang salah suatu daripada empat *quwwah* itu maka datanglah penyakit daripada pihak itu.

[PADA MENYATAKAN TUJUH PENGHULU ANGGOTA]

Ketahui olehmu bahawasanya penghulu segala [anggota][250] itu tujuh [perkara][251];

- Pertama *qalb* iaitu jantung seperti sabda Nabi sallallahu alaihi wasallam;

أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْغَةً إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ

وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ

Ertinya: Ketahui oleh kamu bahawasanya dalam jasad manusia itu segumpal[252] *daging, apabila ia baik nescaya baiklah jasad, dan*[253] *apabila*[254] *ia jahat nescaya jahatlah sekalian jasadnya, iaitulah qalb tempat*

248 Manuskrip G.

249 Secara literalnya, *dāfi'ah* bermaksud *menolak.*

250 Manuskrip B. Manuskrip A menulis *perkara.*

251 Manuskrip B.

252 Asalnya سلمفل.

253 Asalnya sebelum *dan* ada ولا انتم, digugurkan.

254 Asalnya فبيل.

[PADA MENYATAKAN SEPULUH TANDA UNTUK MENGENAL TABIAT MANUSIA]

Kata ahli *al-ṭibb* bahawa pengetahuan akan mengenal segala tabiat manusia itu daripada warna tubuhnya dan *khuluq*nya [dan][299] perkataannya dan lakunya dan perbuatannya dan pekerjaannya iaitu sepuluh perkara;

- Pertama [dijabat][300] badannya. Jika hangat[301] tanda hangat jua tabiatnya. Dan jika sejuk tanda sejuk jua tabiatnya. Dan jika ugahari tanda ugahari jua, yakni sederhana jua tabiatnya.
- Kedua ditilik kepada badannya. Jika tembun [air][302] iaitu tanda basah lagi tanda sejuk jua tabiatnya. Dan jika tiada demikian maka [iaitu][303] tanda hangat lagi basah jua tabiatnya.
- Ketiga ditilik kepada rambutnya. Jika lebat serta dengan sangat ikal [lagi hitam][304] iaitu tanda hangat lagi kering tabiatnya. Dan jika tiada demikian maka tanda sejuk lagi basah jua tabiatnya.
- Keempat ditilik kepada warna tubuhnya. Jika warna

---

299 Manuskrip D.

300 Manuskrip B. Manuskrip A menulis دجاتش دان.

301 Asalnya ada *jua* selepas *hangat*, digugurkan.

302 Maksud *tembun air* ialah badan gemuk atau berisi dengan lemak. Bandingkan dengan *tembun sasa* pada tajuk *Pada Menyatakan Tanda Empat Cair*.

303 Manuskrip B. Manuskrip A menulis *iapun*.

304 Manuskrip B.

sangat fahamnya dan akalnya dengan segeranya lagi dengan sempurnanya maka iaitu tanda hangat tabiatnya. [Dan jika bebal lagi dungu maka iaitu tanda sejuk tabiatnya.][314] Dan jika tetap kelakuannya maka iaitu kering tabiatnya. Dan jika segera hilang marahnya[315] atau segera lupa maka iaitu tanda basah tabiatnya. Dan jika penakut maka iaitu tanda sejuk tabiatnya lagi daif hatinya, maka iaitu tanda sejuk jua tabiatnya. Dan jika sangat marahnya[316] lagi sangat [memungkas][317] serta dengan beraninya dan sangat berkata-kata tiada berputusan dengan segeranya maka iaitu tanda hangat tabiatnya. Dan jika sangat malunya lagi dengan sopannya lagi perlahan-lahan berkata-kata iaitu tanda sejuk jua tabiatnya.

[PADA MENYATAKAN TANDA EMPAT TABIAT]

Adapun bahawa tanda badan yang sejuk itu perangainya penyegan lagi dungu dan kurang bicaranya dan putih warna mukanya [dan][318] matanya, lagi bermanfaatlah ia dengan ubat yang pahit lagi hangat, dan memberi mudarat akan dia ubat yang tawar lagi sejuk.

Adapun tanda badan yang kering itu perangainya

---

314 Manuskrip B.

315 Asalnya امارهڽ.

316 Asalnya امارهڽ.

317 Manuskri D. Manuskrip A menulis مملس.

318 Manuskrip B.

kering hidungnya[319] dan sangat ia jaga[320] dan memberi manfaat akan dia daripada ubat [yang basah dan][321] memakai minyak,[322] lagi segera kering minyak [itu][323],[324] dan memberi mudarat akan dia ubat yang kering[325].

Adapun tanda badan yang basah itu perangai penyegan lagi pelupa dan ghalib tidur lagi memberi manfaat akan dia ubat kering.

[PADA MENYATAKAN TANDA EMPAT CAIR]

Adapun tanda tabiatnya *ṣafrāwī* itu iaitu tabiatnya hempedu tiada sangat berat tubuhnya tetapi sangat hangat lagi kering[326] badannya dan marah perangai tetapi tajam fahamnya lagi kurang tidurnya dan segala yang dimimpinya pun seperti nyala api dan segala warna yang kuning jua, lagi warna mukanya dan matanya pun sangat kuning dan tubuhnya pun sangat kurus, dan qada hajat besar dan seni kuning warnanya.

---

319 Asalnya selepas *hidungnya* ada *dengan*, digugurkan.

320 Yakni banyak berjaga.

321 Manuskrip D.

322 Yakni elok disapu minyak pada tubuhnya, kerana minyak bertabiat basah.

323 Manuskrip B.

324 Yakni minyak yang disapu itu cepat kering kerana diserap oleh tubuhnya yang kering.

325 Asalnya کر.

326 Asalnya کپڠ.

Ertinya: Pohon segala penyakit itu kesengkakan.

Sekali peritiwa baginda Ali radiallahu anhu baharu sembuh daripada sakit, hendak makan kurma[339], maka sabda Nabi sallahu alaihi wasallam;

[مَهْ][340] فَإِنَّكَ نَاقِهٌ

Ertinya: Jangan kau makan dari kerana bahawasanya engkau baharu engkau sembuh daripada sakit.

[PADA MENYATAKAN SERINGAN-RINGAN MAKANAN DAN SEBERAT-BERAT MAKANAN]

Ketahui bahawasanya *ittifāq*lah segala hukama dan segala tobib bahawasanya seringan-ringan daripada makanan itu delima, dan seberat-berat daripada segala makanan itu daging yang lama.

Maka berhimpunlah[341] segala mereka itu barang siapa memakan delima berlebih-lebihan daripada adatnya nescaya memberi mudaratlah akan dia, dan barang siapa makan daging yang [lama][342] ugahari adatnya nescaya tiada memberi mudarat akan dia.[343]

---

339 Asalnya حرم. Manuskrip D menulis خرم.

340 Manuskrip H.

341 Yakni bersepakatlah segala hukama dan segala tobib.

342 Manuskrip F.

343 Kenyataan ini merupakan satu prinsip yang sangat penting dalam bidang perubatan. Prinsipnya ialah *sesuatu itu mestilah diambil dengan cara yang betul.* Cara yang betul itu merangkumi aspek kuantiti dan kualiti. Jika sesuatu itu diambil dengan cara yang betul, tidaklah

إِنَّ اللّٰهَ لَمْ يُنَزِّلْ دَاءً إِلَّا وَقَدْ أَنْزَلَ لَهُ دَوَاءً إِلَّا السَّامَ وَالْهَرَمَ

فَعَلَيْكُمْ بِأَلْبَانِ الْبَقَرِ فَإِنَّهَا تَخْلُصُ مِنْ كُلِّ سَحَرَةٍ

[Ertinya:][350] *Bahawasanya Allah taala sekali tiada diturunkan akan penyakit melainkan telah diturunkanNya ubat, melainkan maut jua dan juga orang yang sangat tua, maka hendaklah kamu minum susu lembu dari kerana ia bahawasanya ia menghilangkan segala bencana orang hobatan*[351].

[PADA MENYATAKAN LARANGAN MENGUBATI PENYAKIT DENGAN YANG HARAM]

Dan lagi sabda Nabi sallallahu alaihi wasallam;

إِنَّ اللّٰهَ عَزَّ وَجَلَّ أَنْزَلَ الدَّاءَ وَالدَّوَاءَ وَجَعَلَ لِكُلِّ دَاءٍ دَوَاءً

فَتَدَاوَوْا وَلاَ تَدَاوَوْا بِحَرَامٍ

Ertinya: Bahawasanya Allah subhanahu wa taala menurunkan segala penyakit [dan segala ubat, dan dijadikan pada tiap-tiap penyakit] [352] *itu ubat, maka berubatlah kamu, dan jangan kamu berubat dengan yang haram.*

Sekali peristiwa pada suatu hari Tariq ibnu Suwaidi berdatang sembah kepada Nabi sallallahu alaihi wasallam, katanya, “Ya Rasulullah, adakah harus mengubati

350 Manuskrip B.

351 Sihir, mantera, jampi.

352 Manuskrip B.

seorang sakit dengan arak?" Maka sabda Nabi sallallahu alaihi wasallam;

إِنَّمَا مَنَعَهَا لِلدَّوَاءِ إِنَّهَا لَيْسَتْ بِدَوَاءٍ وَلٰكِنَّهَا دَاءٌ إِنَّ اللّٰهَ تَعَالَى لَمْ يَجْعَلْ شِفَاءَ أُمَّتِي فِيمَا حَرَّمَ عَلَيْهَا

Ertinya: Hanya sesungguhnya telah ditegahkan Allah taala arak itu akan ubat, bahawasanya ia bukan ubat, tetapi penyakit. Bahawasanya Allah taala tiada menjadikan nyaman tubuh umatku pada barang yang diharamkan Allah.

[PADA MENYATAKAN ASAL USUL ILMU UBATAN]

Kata Ibnu Abbas radiallahu [anhuma][353], ia mendengar[354] daripada Nabi Allah katanya bahawa sabda Nabi sallallahu alaihi wasallam telah bersabda; Apabila Nabi Allah Sulaiman sembahyang pada mihrab masjidnya maka [dilihatnya][355] tumbuh tumbuhan pada mihrab itu pada tiap-tiap hari sepohon kayu, maka ditanyai Nabi Allah Sulaiman akan dia, "Hai pohon kayu, [apa][356] namamu dan apa gunamu?" Maka sahutnya, " Ya nabi Allah, nama hamba fulan dan guna hamba demikian." Dan jika ada pohon kayu itu akan ubat, disuratkannya namanya dan gunanya. Dan jika ada

---

353 Manuskrip B. Manuskrip A menulis *anha*.

354 Asalnya منغر.

355 Manuskrip B. Manuskrip A menulis دليهتي.

356 Manuskrip B. Manuskrip A menulis ا.

pohon kayu itu patut ditanam maka ditanamkannya.[357]

[PADA MENYATAKAN RASA MAKANAN]

Kata hukama bahawa rasa makan-makanan itu iaitu sembilan bagai;

- Pertama pedas
- Kedua pahit
- Ketiga masin
- Keempat manis
- Kelima masam
- Keenam tawar
- Ketujuh kelat
- Kedulapan liat[358]
- Kesembilan lendir[359]

Adapun yang pedas dan pahit dan masin dan

---

[357] Manuskrip I menulis *maka pohon kayu itu dapat dimakan maka disuratkan namanya dan rasanya.*

[358] Boleh juga disebut sebagai "pedar", yakni kelat yang bersangatan. Dalam bahasa Arab disebut *'afṣ*.

[359] Boleh juga disebut sebagai "lemak", yakni rasa berlemak atau berminyak. Dalam bahasa Arab disebut *dasm.* Manuskrip A dan D turut menambah rasa yang kesepuluh iaitu *lemak*, sedangkan di awalnya sudah disebut bahawa ada sembilan rasa. Maka saya gugurkannya. Pertamanya kerana ia bertentangan dengan apa yang disebutkan di awalnya. Keduanya kerana kitab-kitab *ṭibb* yang muktabar juga menyebut sembilan rasa seperti yang tersenarai di atas. Ketiganya kerana ia tidak disebut dalam manuskrip-manuskrip lain, maka kemungkinan besar ia ditambah oleh penyalin manuskrip.

manis[360] itu hangat khasiatnya. Adapun yang masam dan tawar dan kelat [dan][361] liat dan lendir sejuk khasiatnya.

[PADA MENYATAKAN TABIAT DAN DARJAH BAGI SEGALA MAKANAN DAN UBATAN]

Kata segala ulama [*ittifāq* dengan][362] segala hukama bahawasanya barang [makan-makanan][363] atau [segala][364] ubat adalah khasiatnya hangat [atau sejuk atau kering][365] atau basah, dan adakalanya [bercampur][366] dengan dua khasiatnya iaitu hangat lagi basah atau hangat lagi kering.[367]

Dan adakalanya ia hangat pada darjah yang pertama atau darjah keempat. Demikian lagi darjah segala yang [sejuk pun empat perkara jua, darjah yang basah pun empat perkara jua, dan darjah yang][368] kering pun empat perkara jua.

Shahdan, jika [makan seorang yang][369] sederhana

---

360 Asalnya selepas *manis* ada *dan lemak*, digugurkan.

361 Manuskrip B.

362 Manuskrip F. Manuskrip A menulis *adalah*.

363 Manuskrip B. Manuskrip A menulis *yang dimakan-makanan*.

364 Manuskrip B.

365 Manuskrip B.

366 Manuskrip B. Manuskrip A menulis *percampur*.

367 Yang bercampur itu termasuklah sejuk lagi basah atau sejuk lagi kering.

368 Manuskrip B.

369 Manuskrip B. Manuskrip A menulis *seseorang makan*.

[PADA MENYATAKAN KHASIAT LADA DAN CAMPLI]

Adapun khasiatnya segala ubat dan makanan yang [hangat][379] itu seperti *filfil* iaitu lada dan *dār filfil* iaitu campli,[380] keduanya hangat lagi kering[381] pada darjah

---

sampai membunuh. Bahkan lada dan campli lebih sesuai diletakkan dalam darjah ketiga. Walau bagaimanapun, sesetengah kitab *ṭibb* muktabar ada yang meletakkannya dalam darjah keempat. Maka perlu ada kajian semula terhadap kitab-kitab *ṭibb* kerana tidak semuanya menepati kaedah umum yang digariskan. Bahkan isu darjah atau mizaj atau temperamen inilah yang menjadi satu konflik dan dilema bagi pengamal perubatan klasik, kerana wujud ketidakseimbangan dalam menetapkan darjah bagi sesuatu bahan. Dan adakalanya penulis yang berbeza menetapkan darjah yang berbeza bagi sesuatu bahan yang sama. Memanglah kita mengetahui dan memahami bahawa pendekatan klasik sangat mengambil berat soal perbezaan situasi dan suasana yang menyebabkan perbezaan penetapan, yakni bersifat relatif dan subjektif, namun perlulah juga digariskan apakah yang menjadi prinsip dan dasar yang tetap, serta apakah yang boleh berubah-ubah mengikut situasi, agar sistem ini terus relevan dan boleh diamalkan secara saintifik.

379 Manuskrip B. Manuskrip A menulis *pahit*.

380 Penetapan istilah di sini agak khusus walaupun istilah itu pada asalnya boleh digunakan secara umum. *Filfil* yang diterjemah sebagai "lada" boleh difahami sebagai genus *Capsicum* secara umum, yakni cili atau cabai secara umum. *Dār filfil* yang diterjemah sebagai "campli" boleh difahami sebagai lada panjang dengan nama saintifik *Piper longum.* Bentuknya hampir sama dengan cabai jawa dengan nama saintifik *Piper retrofractum.*

381 Asalnya كراغ.

yang keempat. Dan lada sulah[382] iaitu terlebih hangatnya daripada lada, [dan][383] campli itu kurang khasiatnya mengeringkan daripada segala lada. Dan adalah faedahnya sekalian itu menghancurkan segala [angin][384] yang beku pada paru-paru dan pada perut yang seni, dan menghancur segala *balgham* yang likat dan menghangatkan segala urat dan badan.

[PADA MENYATAKAN KHASIAT HALIA]

Dan *zanjabīl*[385] iaitu [halia][386]. Khasiatnya [hangat pada darjah yang ketiga dan kering pada darjah yang kedua][387]. Faedahnya menguatkan shahwat[388] [dan][389] mencernakan makanan dan menghilangkan sejuk hati dan paru-paru dan menghilangkan *balgham* dan menambahi pengingat.

---

382 *Piper nigrum.*

383 Manuskrip B. Manuskrip A menulis *dengan*.

384 Manuskrip B.

385 *Zingiber officinale.*

386 Manuskrip B.

387 Manuskrip B. Manuskrip A menulis *hangat lagi kering pada darjah yang ketiga dan pada darjah yang kedua.*

388 Shahwat merujuk kepada kehendak seksual, dan boleh juga merujuk kepada kehendak makan minum.

389 Manuskrip B.

lendir yang di dalam perut dan memberi faedah akan hati dan [limpa][421] yang sejuk.

[PADA MENYATAKAN KHASIAT PUCUK]

Dan *qusṭ*[422] iaitu pucuk. Khasiatnya hangat pada darjah yang ketiga lagi kering pada darjah yang kedua. Faedahnya menghancurkan angin dan menyembuhkan penyakit limpa dan mengeluarkan gelang-gelang.

[PADA MENYATAKAN KHASIAT JEMUJU]

Dan *nānkhwāh*[423] iaitu jemuju. Khasiatnya hangat lagi kering pada darjah yang ketiga. Faedahnya menghancurkan segala angin yang dalam tubuh dan menghilangkan segala senak lagi banyak faedahnya.

[PADA MENYATAKAN KHASIAT KUNDURUKAM]

Dan *kundur*[424] iaitu kundurukam. Khasiatnya hangat lagi

---

421 Manuskrip C. Manuskrip A menulis *lemak*.

422 *Saussurea lappa*.

423 *Trachyspermum ammi*.

424 *Boswellia serrata*. Perlu dibezakan antara "kundur" sebagai iṣtilah Melayu dengan *kundur* sebagai iṣtilah Arab. Kundur Melayu atau beligu merujuk kepada *Benincasa hispida*, manakala *kundur* Arab merujuk kepada kundurukam. *Kundur* dan *lubān* membawa maksud "kemenyan", tetapi disebabkan ada dua jenis kemenyan yang dibincangkan oleh Shaikh, maka kemenyan *Boswellia serrata* atau "kemenyan arab" dikekalkan sebagai kundurukam seperti yang tercatat dalam manuskrip, manakala kemenyan *Styrax benzoin* atau

ingat-ingat kamu supaya tiada disekutui[489] *oleh shaitan akan kamu pada memakan dia, dan ucap oleh kamu tatkala memakan dia bismillāhirraḥmānirraḥīm, tiada [kuasa]*[490] *shaitan itu membencanai sesuatu yang tersebut itu atas nama Allah taala.*

Dan lagi sabda Nabi sallallahu alaihi wasallam;

كُلُوا الرُّمَّانَ فَإِنَّهُ دِبَاغُ الْمَعِدَةِ

Ertinya: Makanlah oleh kamu delima dari kerana bahawasanya ia menyamankan [perut][491].

[PADA MENYATAKAN KHASIAT SUSU]

Dan *laban* iaitu susu[492]. [Bahawa][493] yang terlebih [baik][494] daripada segala susu [itu susu lembu][495]. Khasiatnya hangat lagi basah. Faedahnya memberi kuat badan, jika dicampur dengan air madu maka dimakan nescaya menambahi mani dan memberi kuat akan shahwat lagi banyak faedahnya.

---

489 Disertai.

490 Manuskrip B.

491 Manuskrip C. Manuskrip A menulis *paru-paru.* Terjemahan yang tepat bagi *ma῾idah* ialah perut. Mungkin berlaku kesilapan dalam penyalinan manuskrip kerana ejaannya yang hampir sama.

492 Asalnya selepas *susu* ada *lembu*, digugurkan.

493 Manuskrip B.

494 Manuskrip D.

495 Manuskrip B.

Dan *'asal* iaitu air madu. Khasiatnya hangat lagi kering pada darjah yang kedua. Faedahnya [menghancurkan][496] *balgham* dan menerangkan mata dan memberi kuat paru-paru dan menghilangkan segala lendir yang di dalam perut dan menguatkan shahwat dan memberi[497] nyaman tubuh seperti firman Allah taala tersebut dalam Quran;

يَخْرُجُ مِن بُطُونِهَا شَرَابٌ مُّخْتَلِفٌ أَلْوَانُهُ فِيهِ شِفَاءٌ لِّلنَّاسِ

Ertinya: Dijadikan Allah keluar daripada perut indung[498] *madu itu [air madu]*[499] *berlain-lainan warnanya, adalah dalamnya nyaman badan segala manusia.*

Dan seperti sabda Nabi sallallau alaihi wasallam;

جُعِلَت الْبَرَكَةُ فِي الْعَسَلِ وَفِيهِ شِفَاءٌ مِنَ الْأَوْجَاعِ وَقَدْ بَارَكَ عَلَيْهِ سَبْعُونَ نَبِيًّا

Ertinya: Dijadikan Allah taala berkat itu pada air madu, dan adalah dalamnya menyamankan tubuh daripada segala penyakit dan sanya telah memberi berkat akan dia tujuh puluh orang nabi.

Kata baginda Ali karramallahu wajhah, apabila sakit

---

496 Manuskrip B. Manuskrip A menulis كن.

497 Asalnya selepas *memberi* ada *dan*, digugurkan.

498 Sarang lebah yang berisi madu.

499 Manuskrip B.

seseorang daripada kamu dan barang sebagainya, maka hendaklah dipintanya kepada isterinya pada isi kahwinnya[500] tiga dirham, dibelikannya air madu serta dicampurkannya dengan air hujan maka diminumnya, nescaya diafiatkan Allah taala akan dia.

[PADA MENYATAKAN KHASIAT GULA DAN TEBU]

Dan *sukkar* iaitu [gula][501]. Khasiatnya hangat lagi basah pada darjah yang pertama, demikianlah [lagi][502] tebu[503]. Faedahnya melembutkan dada dan halkum dan adalah [ia][504] muafakat[505] pada tabiat *ṣafrāwī.*

[PADA MENYATAKAN KHASIAT GANDUM]

Dan *burr*[506] iaitu gandum. Khasiatnya hangat [pada darjah yang pertama][507] lagi sederhana kepada basah dan kering.[508] Faedahnya memberi kuat akan badan.

---

500 Mas kahwin.

501 Manuskrip C.

502 Manuskrip C. Manuskrip A menulis ك.

503 *Saccharum officinarum.*

504 Manuskrip C.

505 Bersesuaian.

506 *Triticum aestivum.* Istilah Arab yang lain untuk gandum ialah *qamḥ* dan *ḥinṭah,* namun kini *ḥinṭah* lebih merujuk kepada gandum spelta iaitu *Triticum spelta.*

507 Manuskrip F.

508 Yang dimaksudkan ialah, gandum bersifat hangat pada darjah pertama, manakala dari sudut kering-basah ianya bersifat seimbang

إِذَا أَكَلْتُم الْقِثَّاءَ فَكُلُوا مِنْ أَسْفَلِهِ

Ertinya: Apabila kamu makan hentimun maka makan oleh kamu ekornya.

[PADA MENYATAKAN KHASIAT CUKA]

Dan *khall*[569] iaitu cuka. Khasiatnya bercampur hangat dan sejuk, [tetapi sangat ghalib sejuk][570]. Faedahnya menghancurkan *balgham* [dan][571] menyembuhkan segala bengkak[572] lagi segera mencernakan makanan tetapi memberi mudarat pada badan yang *sawdāwī* dan menyakitkan dada, dan adalah besar pahalanya pada yang memakan dia seperti sabda Nabi sallallahu alaihi wasallam;

مَنْ أَكَلَ الْخَلَّ قَامَ عَلَى رَأْسِهِ مَلَكٌ يَسْتَغْفِرُ لَهُ حَتَّى يَفْرُغ

Ertinya: Barang siapa makan cuka [maka][573] *berdiri di atas kepalanya seorang malaikat minta ampun akan*[574] *dia hingga selesai ia daripada memakan dia.*

Dan lagi sabda Nabi sallallahu alaihi wasallam;

569 Asalnya حل. *Acetic acid.*

570 Manuskrip B. Menurut *al-Qānūn,* cuka yang sederhana yakni yang tidak terlalu pedas atau tajam bersifat sejuk dan basah.

571 Manuskrip B.

572 Asalnya بڠكق.

573 Manuskrip B.

574 Asalnya كن.

pada darjah yang pertama. Faedahnya apabila dicampurkan dalam makjun terlalu sangat memberi kuat akan jantung, apabila dipakai akan [kepala][586] cincin atau barang sebagainya iaitu menghilangkan segala penyakit wabak, dan yang terutama daripada segala jenis *yāqūt* itu merah dan kuning dan biru.

[PADA MENYATAKAN KHASIAT KAHRAB]

Dan *kahrubā*[587] [iaitu kahrab][588]. Khasiatnya hangat pada darjah yang pertama dan kering pada darjah yang kedua. Faedahnya menghilangkan dukacita dan menahan darah daripada barang tumpah[589].

[PADA MENYATAKAN KHASIAT KASTURI]

Dan *misk*[590] iaitu kasturi. Khasiatnya hangat lagi kering pada darjah yang ketiga. Faedahnya jika dicium atau dimasukkan ke dalam hidung nescaya menyembuhkan

---

delima”.

586 Manuskrip I.

587 *Pinus succinifera.*

588 Ditambah. Kahrab atau kahrab kuning atau ambar kuning, yakni damar daripada pokok *Pinus succinifera.* Perlu dibezakan antara “ambar kuning” *(Pinus succinifera)* dengan “ambar” sebenar *(Ambra grisea)* atau disebut juga “ambar kelabu” yang merujuk kepada bahan daripada usus ikan paus sperma (paus ambar).

589 Tumpah darah, mengalir.

590 Wangian yang diperbuat daripada bahan yang terdapat dalam kelenjar kasturi pada kasturi kijang iaitu *Moschus moschiferus.*

[PADA MENYATAKAN KHASIAT GAHARU]

Dan *ʿūd* iaitu gaharu[606]. Khasiatnya hangat pada darjah yang kedua.[607] Faedahnya menguatkan paru-paru dan segala perut yang seni-seni dan menguatkan hati dan jantung dan segala pancaindera dan terlalu[608] sangat memberi faedah akan otak dan menghancurkan segala angin yang dalam badan, dan jika dimamah[609] menghilangkan bau busuk mulut.

[PADA MENYATAKAN KHASIAT CENDANA]

Dan *ṣandal* iaitu cendana[610]. Khasiatnya sejuk lagi kering pada darjah yang kedua. Faedahnya menahan segala penyakit dan menyembuhkan segala bengkak yang hangat dan menyembuhkan sakit kepala [yang hangat][611] dan sakit hati yang hangat[612], diminum atau dibubuhkan pada tubuh dan memberi kuat paru-paru.

---

606 Wangian daripada *Santalum album.*

607 Menurut *al-Qānūn,* gaharu bersifat hangat dan kering pada darjah yang kedua.

608 Asalnya ترلاك.

609 Asalnya دمام.

610 Pokok *Santalum album.*

611 Manuskrip B.

612 Asalnya ساغت.

itu memberi mudarat jua adanya, seperti susu dengan ikan, atau susu dengan labu, atau susu serta dengan cuka, atau susu serta dengan hentimun dan barang sebagainya, dan jika hendak dimakan seorang akan yang demikian itu maka hendaklah dimakannya serta dengan yang hangat-hangat atau dengan yang sejuk pada sepatut khasiattnya makan-makanan itu supaya hilang mudaratnya.

[PADA MENYATAKAN PETUA UBATAN]

Adapun ubat segala penyakit itu sekaliannya berlawan, umpamanya[624] jikalau penyakit itu sejuk ubatnya hangat, dan [jika][625] penyakit itu hangat ubatnya sejuk. Demikianlah kiasnya[626].

Tiadalah faqir melanjutkan[627] [perkataannya][628] sehingga mengambil simpan jua.

[HIKAYAT RAJA MALIK SHAH DENGAN SEORANG TOBIB YANG BIJAKSANA]

Maka dimulai faqir setengah daripada hikayat yang munasabah dengan dia. Bermula kata Imam Shafi'i [radiallahu anhu][629] ada seorang raja di benua Parsi bernama Malik Shah. Maka terlalu tembun, maka adalah

---

624 Asalnya افماث.

625 Manuskrip B.

626 Asalnya فپاسڽ.

627 Asalnya مكنجتكن.

628 Manuskrip B.

629 Manuskrip B.

kesakitanlah ia daripada sangat tembunnya itu, maka disuruhnya himpunkan segala tobib akan supaya mengubati [dia][630] supaya kurang tembunnya, maka diubat[631] segala tobiblah akan dia oleh segala tobib itu, tiadalah jadi daripada ubat itu, makin tembunnya jua. Maka murkalah raja itu akan segala mereka itu sekalian, lagi ia bersabda kepada segala tobib itu, "Jikalau tiada kamu ubati akan daku, nescaya engkau kubunuh akan kamu semuanya." Maka dukacitalah sekalian tobib akan membicarakan ubat raja itu.

Maka datang sembah seorang tobib yang lain daripada mereka itu terlalu[632] bijaksana, "Ya tuanku Shah Alam[633], bahawasanya diperhambalah[634] mengubati Shah Alam, tetapi diperhamba mohonkan ke bawah duli Shah Alam bertangguh tiga hari lamanya kerana diperhamba tobib lagi mengetahui ilmu nujum hingga diperhamba lihat pada rasi Shah Alam mana ubat yang patut[635] akan Shah Alam. Maka sabda raja, "Baiklah[636]." Setelah itu maka tobib itu pun kembalilah.

Tiga hari lamanya maka disuruh raja panggil akan dia, hatta maka tobib itu pun datanglah serta ia berdatang

630 Manuskrip B.

631 Asalnya داوباوبات.

632 Asalnya ترلاك.

633 Shah Alam, yakni gelaran atau panggilan untuk raja-raja.

634 Patik.

635 Asalnya افاتت.

636 Asalnya بايكله.

anak Adam itu terlebih jahat daripada perutnya. Dan jika ada ia tiada dapat [tiada][677] *diisinya jua, maka sepertiga bagi makanan dan sepertiga bagi minuman dan sepertiga bagi nafas keluar masuk.*

[PETUA *JĀLĪNŪS AL-ḤAKĪM* AKAN PERKARA YANG MEMPUSAKAI KELUPAAN]

HIKMAH. Kata *Jālīnūs al-Ḥakīm,* tujuh perkara yang mempusakai kelupaan manusia;

- Pertama mendengar kata-kata yang tiada bermanfaat lagi tiada masuk dalam hati
- Kedua membuang darah daripada tengkuknya
- Ketiga qada hajat seni[678] kepada air yang tenang
- Keempat berbanyak makan makanan yang masam
- Kelima menilik pada muka mayat
- Keenam berbanyak tidur
- Ketujuh sentiasa menilik kepada tempat yang binasa

Dan lagi pula yang mempusakai kelupaan itu tujuh perkara;

- Pertama sangat *balgham*
- Kedua tertawa gelak-gelak
- Ketiga berbanyak makan makanan yang masam
- Keempat berbanyak memakan daging yang


---

677 Manuskrip B.

678 Asalnya سانسي.

LAMPIRAN 1


HUBUNGAN EMPAT UNSUR



Rajah 24: Hubungan sesama empat unsur. Hubungan ini tidak dinyatakan dalam manuskrip. Saya menyusunnya berdasarkan kefahaman dan pemerhatian terhadap konsep dan aplikasi empat unsur. Hubungan ini boleh digunakan untuk menghuraikan beberapa konsep seperti pembentukan organ iaitu ektodermal, mesodermal, endodermal dan primordial; juga perkembangan psikologi iaitu 'aqlī, ghadabī, shakhṣī dan nasabī; dan juga hubungan sesama sistem tubuh iaitu dimāghī, qalbī, kabidī dan mansalī.

LAMPIRAN 2


UNSUR, CAIRAN DAN TABIATNYA



Peta Minda 3: Unsur, cairan dan tabiatnya

LAMPIRAN 3

PEMBAHAGIAN MIZAJ



Peta Minda 4: Pembahagian mizaj (tabi'at)

LAMPIRAN 4


MATERIA MEDIKA BUSTANUS SALATIN

P: Panas (hangat), **S**: Sejuk, **K**: Kering, **B**: Basah, **U**: Ugahari

BIL.	MELAYU	ARAB	INGGERIS	SAINTIFIK	MIZAJ
1.	Adas pedas	*Basbās, Rāzyānaj*	*Fennel*	*Foeniculum vulgare*	P^2K^2
2.	Air mawar	*Mā' al-ward*	*Rose water*	*Rosa damascena*	P+S
3.	Akarkara	*'Āqar qarḥā*	*Pellitory*	*Anacyclus pyrethrum*	P^3K^3
4.	Ambar, Ambar kelabu	*'Anbar*	*Ambergris*	*Ambra grisea*	P^2K^1
5.	Anggur	*'Inab*	*Grape*	*Vitis vinifera*	PB
6.	Anggur kering, Kismis	*Zabīb*	*Raisin*	*Vitis vinifera*	PB
7.	Badam	*Lawz*	*Almond*	*Prunus dulcis*	P^1B^1
8.	Bawang merah	*Baṣal*	*Onion*	*Allium cepa*	P^3B^3
9.	Bawang putih	*Ṡūm*	*Garlic*	*Allium sativum*	P^3K^3
10.	Beras	*Aruzz*	*Rice*	*Oryza sativa*	P^1K^1
11.	Biji sawi	*Khardal*	*Black mustard*	*Brassica nigra*	P^4K^4
12.	Buah pala	*Jawz buwā*	*Nutmeg*	*Myristica fragrans*	P^3K^3
13.	Bunga air mawar	*Ward*	*Rose*	*Rosa damascena*	S^1K^2
14.	Bunga laung, Bunga cengkih	*Qaranful*	*Clove*	*Syzygium aromaticum*	P^3K^3
15.	Bunga pala, Kulit biji pala	*Basbāsah*	*Mace*	*Myristica fragrans*	P^3K^3

LAMPIRAN 5

APLIKASI SISTEM KOORDINAT KARTESIAN KEPADA MIZAJ UBATAN DAN DARJAHNYA



Graf 1: Koordinat bagi emas, madu, kurma, hentimun dan cendana berdasarkan mizaj masing-masing

Koordinat mizaj ialah koordinat bagi sesuatu perkara berdasarkan darjah mizajnya. Koordinat mizaj merupakan satu kaedah untuk merekod darjah mizaj sesuatu perkara secara lebih sistematik dan matematikal, agar kajian dan penyelidikan ke atas khazanah-khazanah klasik dapat dilakukan secara seimbang antara aspek kuantitatif dan kualitatif.

Koordinat mizaj boleh digunakan untuk merekod pelbagai perkara contohnya darjah kepanasan atau metabolik tubuh dan juga keadaan persekitaran. Walau bagaimanapun, secara khususnya ia digunakan untuk merekod darjah mizaj bahan-bahan makanan dan ubatan seperti yang ditunjukkan dalam *Graf 1*.

Darjah mizaj bagi sesuatu bahan boleh direkod dengan dua cara iaitu dengan menggunakan;

1. Kod
2. Koordinat

BIL.	BAHAN	MIZAJ & DARJAH	KOD	KOORDINAT
1.	Emas	Ugahari	U	(0,0)
2.	Madu	Panas Kedua, Kering Kedua	P^2K^2	(2,2)
3.	Kurma	Panas Kedua, Basah Kedua	P^2B^2	(2,-2)
4.	Hentimun	Sejuk Kedua, Basah Kedua	S^2B^2	(-2,-2)
5.	Cendana	Sejuk Kedua, Kering Kedua	S^2K^2	(-2,2)

Jadual 2: Penggunaan kod dan koordinat untuk emas, madu, kurma, hentimun dan cendana

KHATIMAH

Alhamdulillah, selesailah sudah kitab ini. Semoga banyak manfaat yang dapat kita perolehi daripada kitab ini, inshaAllah.

Saya memohon maaf sekiranya terdapat salah silap atau kurang tepat dalam penulisan ini. Saya amat mengalu-alukan sebarang teguran dan kritikan membina untuk penambahbaikan kitab ini.

Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penulisan ini. Hanya Allah yang dapat membalas jasa baik kalian semua.

Semoga isi buku ini dapat dimanfaatkan untuk kajian yang lebih mendalam oleh pihak-pihak yang berminat untuk mengembangkan lagi bidang Perubatan Melayu yang kini mula mendapat perhatian banyak pihak.

Semoga Allah menerima amal yang sedikit ini. Tiadalah ganjaran yang lebih agung sebagai hasil daripada usaha ini, melainkan reda daripada Allah jua.

Sekian, wassalam.

NASEER SOBREE


BAYTUL
ḤIKMĀ

KATA SEGALA AHLI TOBIB
bahawa ilmu *ṭibb* itu iaitu;

Pengetahuan akan segala hal badan insan, dan memeliharakan sihat tubuh, lagi menyembuhkan segala penyakit daripada segala wujud.

— Nuruddin Ar-Raniri




ISBN 978-967-2091-12-7
9 789672 091127